

**EDUCATION FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT:  
MELESTARI KECERDASAN INTERPERSONAL DAN  
INTRAPERSONAL ANAK-ANAK YATIM PERLIS**

**DR. NURULWAHIDA BINTI AZID @ AZIZ**

**DR. AIZAN YAACOB**

**DR. KHALIZA SAIDIN**

**LAPORAN AKHIR GERAN LEADS  
2014**

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>m/s</b>
Penghargaan	ii
Jadual Kandungan	iii
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xv
Senarai Singkatan	xvi
Abstrak	xvii
Abstract	xviii

## **BAB SATU: PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	LatarBelakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Soalan Kajian	7
1.6	Hipotesis Kajian	8
1.7	Rasional Kajian	8
	1.7.1 Menghormati Perbezaan Individu	8
	1.7.2 Menyediakan Garis Panduan Kepada Pentadbir Pertubuhan Rumah Anak-Anak Yatim	9
	1.7.3 Memberi Maklumat Kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat	10
	1.7.4 Ketiadaan Kajian Berkaitan Penerapan Kelestarian Kecerdasan Interpersonal Dan Intrapersonal Anak-AnakYatim Perlis	10
1.8	Kepentingan Kajian	11
	1.8.1 Anak-Anak Yatim	11
	1.8.2 Kebajikan Masyarakat	12
	1.8.3 Institusi Pendidikan Awam, Sekolah, Guru,	

	Pihak Pentadbiran	12
1.9	Limitasi Kajian	13
1.10	Definisi Operasional Kajian	13
	1.10.1 Kecerdasan Interpersonal	13
	1.10.2 Kecerdasan Intrapersonal	14
1.11	Kesimpulan	15

## **BAB DUA: SOROTAN LITURATUR**

2.1	Pendahuluan	17
2.2	Kajian Lepas Berkaitan Kecerdasan	17
	2.2.1 Kecerdasan Interpersonal	18
	2.2.2 Kecerdasan Intrapersonal	20
2.3	Isu Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Teori Kepelbagaian Kecerdasan	27
2.4	Rumusan	34

## **BAB TIGA : METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	35
3.3	Pendekatan Kajian	37
	3.3.1 Kajian Kuantitatif	38
	3.3.2 Kajian Kualitatif	39
3.4	Variabel Kajian	40
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	40
3.6	Instrumen Kajian	41
3.6.1	Soal Selidik	41

3.6.2	Temu Bual	42
3.7	Kajian Rintis	42
3.8	Prosedur Kajian	44
3.8.1	Tatacara Pemerolehan Data	44
3.8.2	Pelaksanaan Modul Berdasarkan Kecerdasan Interpersonal	46
3.8.3	Pelaksanaan Modul Berdasarkan Intrapersonal	47
3.9	Tatacara Penganalisan Data	49
3.10	Kebolehpercayaan Instrumen	49
3.11	Kesimpulan	50

#### **BAB EMPAT : HASIL KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	51
4.2	Analisis Deskriptif Maklumat Responden	52
4.3	Analisis Hipotesis Kajian	56
4.3.1	Keputusan Ujian-t Kecerdasan Interpersonal	57
4.4	Analisis Data Temu Bual	59
4.4.1	Analisis Data Temu Bual Aktiviti Kecerdasan Interpersonal	59
4.4.2	Analisis Data Temu Bual Aktiviti Kecerdasan Intrapersonal	62
4.5	Kesimpulan	65

#### **BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pendahuluan	67
5.2	Rumusan Dapatan kajian	67

5.3	Perbincangan	68
5.3.1	Perbezaan Profil Kecerdasan Interpersonal dan Intrapersonal Sebelum dan Selepas Rawatan	68
5.3.2	Kesan aktiviti berasaskan penyelesaian masalah berdasarkan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal terhadap profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal	69
5.3.3	Perspektif Pelajar Terhadap Aktiviti Kecerdasan Interpersonal dan Intrapersonal	72
5.3.3.1	Hidup Bekerjasama dan Saling Membantu	72
5.3.3.2	Kemahiran Berfikir Secara Analitikal dan Praktikal	73
5.4	Implikasi Kajian	74
5.4.1	Implikasi Kepada Anak-Anak Yatim	76
5.4.2	Implikasi Kepada Guru	77
5.4.3	Implikasi Kepada Pentadbir Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim	77
5.5	Cadangan Kajian-Kajian Lanjutan	78
5.6	Kesimpulan	79

# **EDUCATION FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT: MELESTARI KECERDASAN INTERPERSONAL DAN INTRAPERSONAL ANAK-ANAK YATIM PERLIS**

## **ABSTRAK**

Anak-anak yatim adalah golongan minoriti yang seharusnya diberi perhatian yang sewajarnya dalam bidang pembangunan pendidikan mereka. Potensi anak-anak ini seharusnya digilap agar mereka dapat membina keyakinan diri yang tinggi dan berfikiran positif walaupun ditempatkan di asrama anak-anak yatim. Melalui pembangunan pendidikan sikap rendah diri anak-anak yatim yang sering dikaitkan dengan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal yang perlu diberi perhatian serius agar anak-anak ini terus tabah mengharungi segala cabaran dalam kehidupan. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal berdasarkan jantina dan pertubuhan anak-anak yatim serta menilai impak rawatan melalui aktiviti penyelesaian masalah berdasarkan aspek interpersonal dan intrapersonal. Seramai 46 orang anak-anak yatim dari dua buah pertubuhan di Perlis terlibat sebagai kumpulan rawatan. Rekabentuk kajian *one group pretest and posttest design* diaplikasikan dalam kajian ini melalui pendekatan gabungan antara kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa rawatan yang diberikan kepada anak-anak yatim tersebut telah berjaya meningkatkan tahap profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Keadaan ini jelas ditunjukkan melalui ujian-t yang memaparkan keputusan kajian adalah signifikan ( $t=-16.730$ ,  $df = 45$ ,  $p<.05$ ) bagi profil kecerdasan interpersonal dan juga terdapat perbezaan yang signifikan bagi kecerdasan intrapersonal ( $t=-13.160$ ,  $df = 45$ ,  $p<.05$ ). Dapatan kajian secara kualitatif juga menunjukkan respon positif dan memberangsangkan

daripada anak-anak yatim tersebut. Keseluruhannya selain dapatan kajian ini memberi kesan yang positif kepada anak-anak yatim, ia juga memberikan implikasi positif terhadap semua golongan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses pendidikan dan perkembangan anak-anak yatim.

# **EDUCATION FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT: SUSTAINABLE INTERPERSONAL AND INTRAPERSONAL INTELLIGENCES AMONG ORPHANAGE PERLIS**

## **Abstract**

The development of minority children should be given utmost attention particularly in their education. Orphans have always been associated with low confidence, self-esteem and having poor communication skills. These children's potential should be enhanced so that they could build their self-esteem and positive mindsets to overcome challenges in their lives. Studies have shown that children from minority group have low interpersonal and intrapersonal intelligences. Thus, it is felt that more attention on these two aspects should be examined. The objectives of this study were to identify the participants' interpersonal and intrapersonal intelligence profiles based on gender and types of orphanage, and to examine the impact of treatment activities on their intelligence profiles. 2 orphanages and 46 children were involved in the treatment group using "*One-group pre-test and post-test design*". This study adopted both quantitative and qualitative methods. The findings revealed that the treatment activities have increased the participants' intrapersonal and interpersonal intelligences. T-test reported significant difference between the pre-test and post-test of their interpersonal intelligence ( $t=16.730$ ,  $df = 45$ ,  $p<.05$ ), and there was also significant difference in their intrapersonal intelligence ( $t=13.160$ ,  $df = 45$ ,  $p<.05$ ). The interview findings also indicated that the respondents were positive about themselves after the treatment. Our findings indicated that even though this small scale study cannot be generalized, the treatment could be applied to any minority groups in other contexts.



# **BAB 1**

## **Pengenalan**

### **1.1 Pendahuluan**

Pembangunan pelajar berkait rapat dengan pembangunan sumber manusia (Zimbardo, 2001) pelajar biasanya dikenali pada peringkat umur antara 13 tahun hingga 18 tahun (Wan Abdul Kader, 2000). Pelajar perempuan dikatakan mempunyai tahap kematangan lebih awal pada usia yang muda jika dibandingkan dengan pelajar lelaki (Noor Azniza, 2005). Apabila mereka telah memasuki alam persekolahan peringkat menengah, mereka ini lebih dikenali sebagai remaja. Remaja merupakan aset negara dan menjadi tunjang utama kepada pembangunan modal insan yang lebih harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Freud (1987) dalam Rohani (2002) pula menyatakan bahawa manusia mempunyai ego yang tinggi pada usia remaja dan ingin dipenuhi kehendak mereka. Anak-anak yatim merupakan golongan minoriti yang perlu diberi perhatian oleh golongan-golongan yang bernasib baik.

Menurut Kamus Dewan (2010), yatim bermaksud seseorang anak yang telah kehilangan bapanya manakala yatim piatu pula bermaksud seseorang anak yang telah kematian ibu dan bapanya. Golongan seperti inilah perlu diberikan tumpuan supaya mereka tidak rasa tersisih dan boleh membina kehidupan dengan lebih maju tanpa berasa rendah diri terhadap golongan-golongan yang masih mempunyai tempat bergantung. Ini tidak bermakna golongan anak-anak yatim ini dimanjakan malahan mereka ini perlu diberikan keyakinan dan motivasi untuk memberi galakan supaya

mampu berusaha mencapai kejayaan dalam kehidupan kelak. Anak-anak yatim selalunya dikaitkan dengan taraf sosio-ekonomi yang rendah, kurang keyakinan diri serta kurang diberikan perhatian (Melissa, 2008). Ini dapat dilihat dengan adanya pertubuhan rumah-rumah anak yatim dan kebajikan di mana mereka akan ditempatkan dan diberi perlindungan beramai-ramai yang senasib dengan mereka (Melissa, 2008). Di situlah tempat mereka bergaul dan membina hubungan baik dengan orang disekeliling mereka.

Namun begitu, mereka masih lagi mempunyai perasaan malu dan rendah diri apabila berada dihadapan khalayak ramai (Amirah, 2009). Sikap rendah diri mereka dapat dikaitkan dengan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal anak-anak yatim. Kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh Jamaludin, Azizi, Noordin dan Siti Zainab (2011) mendapati bahawa anak-anak yatim mempunyai tahap kemurungan yang tinggi akibat sikap yang ditunjukkan oleh mereka sendiri. Melalui kajian ini juga didapati anak-anak yatim sukar untuk membuat keputusan, berasa diri gagal, berasa diri dianiaya, berasa sedih, dan juga sukar untuk membuat sebarang keputusan. Menurut Azizi dan Tan (2007), wanita lebih kerap memencilkan diri berbanding dengan lelaki. Kecerdasan seseorang individu adalah berbeza dan tidak semua individu dapat melakukan sesuatu perkara yang sama (Gardner, 2004).

Kecerdasan sering dikaitkan dengan kemampuan semulajadi seseorang yang lebih dikenali sebagai kecerdasan intelek (*Intelligent Quotient*). Melalui kecerdasan intelek, perkara yang akan diukur adalah dengan melihat kemampuan seseorang menyelesaikan masalah menerusi kaedah penaakulan (Mozaimi, 2007). Oleh itu,

pihak kerajaan perlu membuat sesuatu agar golongan minoriti ini tidak terpinggir dan mampu berfikir dengan pantas selaras dengan seruan kerajaan yang menekankan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Kecerdasan interpersonal dan intrapersonal mempunyai hubung kait yang sangat rapat bagi membantu meningkatkan pembangunan sosial manusia terutamanya dalam kalangan remaja (Wicks & Israel, 2003). Jika tiada kecerdasan interpersonal dan intrapersonal dalam diri seseorang, maka ia akan menyebabkan kemurungan berlaku. Menurut Sufian (2004), kemurungan adalah suatu masalah yang berkaitan dengan emosi seseorang individu yang mengalami kekecewaan ataupun tekanan dalam kehidupan mereka. Selain itu juga, sokongan moral yang kurang daripada pelbagai pihak, hubungan sosial di asrama yang kurang serta sukar untuk menyesuaikan diri ditempat baru juga mungkin menjadi salah satu sebab anak-anak yatim kurang berinteraksi mahupun berhubung antara satu sama lain (Klien, 1982). Ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan Gorenstein, Andrade, Zanolio dan Artes (2005) yang menunjukkan bahawa kebanyakan remaja kurang kemahiran berinteraksi, malu dengan diri sendiri serta tidak yakin untuk melontarkan sesuatu perkara di hadapan khalayak ramai.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Potensi manusia merupakan aspek penting dalam bidang pendidikan. Kepentingannya dapat dilihat melalui sistem pendidikan berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1987). Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menggariskan kenyataan seperti berikut:

*“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan kearah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara”.*

Membina dan mencerna pembangunan berterusan (*Education for sustainable development*) memerlukan kepelbagaian pendekatan dan kesesuaian untuk memastikan keberkesanannya. Ia tidak boleh dipandang remeh kerana dalam membina atau membangunkan anak-anak yatim kesannya bukanlah dapat dilihat dalam jangka masa yang singkat sebaliknya mengambil masa yang panjang. Namun begitu pendidikan yang berterusan perlu diberikan kepada golongan ini agar jati diri, waja diri serta keyakinan untuk menjalani kelangsungan kehidupan akan terus dijana demi masa depan mereka kelak (Mook, 2008). Terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira seperti latar belakang masyarakat, kedudukan sosio-ekonomi, keadaan semasa dan lain-lain lagi. Pembangunan anak yatim mestilah selari dengan perkembangan pendidikan terkini. Kegagalan sebagai ahli akademik dalam memberikan perhatian kepada aspek ini bolehlah dianggap sebagai kegagalan kita membentuk anak yatim berilmu dan berakhlak (Noor Azniza, 2005). Oleh yang demikian, menurut Julie (2005) kita tidak boleh alpa kepada empat segmen penting dalam membentuk seseorang anak yatim iaitu hala tuju, akhlak, jati diri dan ilmu (akademik dan kemahiran). Justeru itu, kepelbagaian program adalah perlu untuk mempertingkatkan potensi dan keberkesanan empat segmen ini perlu ditekankan agar mereka kelak berupaya membuat keputusan yang boleh memanfaatkan diri dan orang sekeliling mereka. Jika kita menganggap bahawa golongan minoriti ini tidak penting, maka

tanggapan kita adalah salah sama sekali. Anak-anak yatim juga perlu mempunyai kecerdasan yang tinggi dari sudut interpersonal dan intrapersonal supaya dapat membina hubungan sosial dan dapat berinteraksi dengan lebih efektif serta perlu mempunyai motivasi dan sikap percaya dalam diri mereka (Sears, 2003). Jika tidak, golongan ini juga akan terpinggir dan mengalami kemurungan dalam diri mereka. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Amirah (2009), gangguan emosi akan sering melanda dalam diri seseorang sekiranya tiada hubungan interpersonal dan intrapersonal dengan orang lain. Secara tidak langsung, ini akan menjejaskan keupayaan mental dan fizikal serta memberi kesan negatif terhadap modal insan negara, kerjaya, krisis sosial dan merendahkan kualiti hidup mereka. Jika kedua-dua kecerdasan ini tidak dibina kembali dalam diri mereka, maka ia akan memberi kesan jangka panjang kepada mereka untuk berdepan dengan pelbagai ragam manusia (Julie, 2005).

Antara rumah-rumah anak yatim yang dipilih untuk dijalankan penyelidikan ialah Pertubuhan Kebajikan Rumah Anak Yatim Mak Teh, dan Asrama Yayasan Saad. Pertubuhan Kebajikan Rumah Anak Yatim Mak Teh terletak di daerah Kangar dan penaungnya adalah Encik Arshad bin Bahari. Seramai 23 orang anak-anak yatim perempuan yang menghuni di rumah kebajikan tersebut. Namun begitu, tidak semua anak-anak yatim tersebut menghuni di rumah kebajikan Mak Teh dan hampir kebanyakan daripada mereka tinggal di rumah dan di jaga oleh saudara-mara terdekat. Kebanyakan daripada mereka mempunyai pencapaian akademik yang baik. Manakala Pertubuhan Kebajikan Asrama Yayasan Saad pula terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan iaitu seramai 26 orang. Kebanyakan daripada mereka berusia dalam

lingkungan 13 tahun hingga 18 tahun. Pelajar-pelajar yang menghuni di Asrama Yayasan Saad juga di ambil berdasarkan pencapaian akademik mereka yang bagus. Asrama Yayasan Saad ini juga telah dibiayai oleh Yayasan Saad sendiri (<http://www.jabatankebajikanmasyarakat.com.my/rumahkebajikanperlis/article>).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kecerdasan interpersonal dan intrapersonal bertanggungjawab untuk mengawal fikiran dan sesuatu tindakan yang ingin dilakukan oleh seseorang individu (Mayer & Solovey, 2000). Kecerdasan yang melibatkan emosi dan sosial merupakan salah satu faktor kepada kejayaan seseorang itu dalam pendidikan. Kecerdasan interpersonal ini melibatkan hubungan interaksi dengan orang lain dan berkait rapat dengan emosi. Individu yang mempunyai kecenderungan ini mampu untuk memahami perasaan, memberi motivasi serta berinteraksi dengan orang disekelilingnya dengan lebih berkesan. Manakala kecerdasan intrapersonal pula adalah individu yang mampu memahami dirinya sendiri, emosi serta keperluan diri yang sepatutnya diperoleh. Ramai penyelidik telah menjalankan kajian yang berkaitan dengan kepelbagaian kecerdasan dan ianya dibuat secara menyeluruh. Maka, dengan ini penyelidik ingin menekankan kepada dua profil sahaja iaitu dari segi kecerdasan interpersonal dan intrapersonal untuk penyelidikan yang akan dilakukan.

## **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah:

- 1.4.1** Mengenal pasti profil kecerdasan interpersonal anak-anak yatim melalui ujian pra dan ujian pasca berdasarkan jantina dan Pertubuhan Anak-Anak Yatim.
- 1.4.2** Mengenal pasti profil kecerdasan intrapersonal anak-anak yatim melalui ujian pra dan ujian pasca berdasarkan jantina dan Pertubuhan Anak-Anak Yatim.
- 1.4.3** Menilai kesan rawatan iaitu aktiviti berasaskan penyelesaian masalah berdasarkan kecerdasan interpersonal terhadap profil kecerdasan interpersonal anak-anak yatim.
- 1.4.4** Menilai kesan rawatan iaitu aktiviti berasaskan penyelesaian masalah berdasarkan kecerdasan intrapersonal terhadap profil kecerdasan intrapersonal anak-anak yatim.
- 1.4.5** Meninjau persepsi anak-anak yatim berkaitan kecerdasan aktiviti interpersonal dan intrapersonal yang mereka jalani.

## **1.5 Soalan Kajian**

Terdapat beberapa soalan yang diutarakan dalam kajian ini iaitu:

- 1.5.1** Apakah profil kecerdasan interpersonal anak-anak yatim melalui ujian pra dan pasca berdasarkan jantina?
- 1.5.2** Apakah profil kecerdasan interpersonal anak-anak yatim melalui ujian pra dan pasca berdasarkan Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim?
- 1.5.3** Apakah profil kecerdasan intrapersonal anak-anak yatim melalui ujian pra dan pasca berdasarkan jantina?

- 1.5.4** Apakah profil kecerdasan intrapersonal anak-anak yatim melalui ujian pra dan pasca berdasarkan Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim?
- 1.5.5** Adakah rawatan iaitu aktiviti berasaskan penyelesaian masalah berdasarkan kecerdasan interpersonal memberi kesan terhadap profil kecerdasan interpersonal anak-anak yatim?
- 1.5.6** Adakah rawatan iaitu aktiviti berasaskan penyelesaian masalah berdasarkan kecerdasan intrapersonal memberi kesan terhadap profil kecerdasan intrapersonal anak-anak yatim?
- 1.5.7** Apakah persepsi anak-anak yatim berkaitan kecerdasan aktiviti interpersonal dan intrapersonal yang mereka jalani?

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

Ho1: Tidak terdapat kesan rawatan yang signifikan ke atas profil kecerdasan interpersonal anak-anak yatim Perlis.

Ho2: Tidak terdapat kesan rawatan yang signifikan ke atas profil kecerdasan intrapersonal anak-anak yatim Perlis.

## **1.7 Rasional Kajian**

Kajian ini dijalankan atas beberapa rasional seperti berikut:

### **1.7.1 Menghormati Perbezaan Individu**

Menurut Stellwagen (2001), perbezaan dalam diri seseorang individu boleh dikesan melalui perkembangan fizikal, mental dan emosi mereka. Kenyataan ini turut



disokong oleh Santhi Suppiah (2003) yang menyatakan bahawa sememangnya ia wujud dalam sesebuah masyarakat. Ini juga selari dengan Ramlah dan Mahani (2004) yang berpendapat bahawa setiap pelajar mempunyai perbezaan dari segi tingkah laku dan pemikiran di samping perbezaan usia mereka. Motivasi dan keyakinan diri seseorang bergantung kepada persekitaran mereka (Dunn & Dunn, 1978). Gardner (1983) dalam bukunya '*Frames of Minds*' juga berpendapat bahawa setiap orang mempunyai potensi yang berbeza-beza. Maka, dengan itu kajian yang dijalankan ini mengambil kira aspek kecerdasan interpersonal dan intrapersonal dalam kalangan anak-anak yatim. Ia bertepatan dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan agar menghormati dan menghargai perbezaan individu. Malahan, melalui kajian ini juga dapat memupuk daya kekuatan interpersonal dan intrapersonal dalam kalangan anak-anak yatim.

### **1.7.2 Menyediakan Garis Panduan Kepada Pentadbir Pertubuhan Rumah Anak-Anak Yatim**

Kajian yang dijalankan oleh You dan Lee (2006) melaporkan bahawa corak tingkah laku dan cara anak-anak yatim berfikir adalah berbeza berbanding dengan anak-anak yang mempunyai ibu dan bapa. Anak-anak yatim juga lebih bersikap agresif selepas umur 10 tahun dan sebelum mencecah 15 tahun. Memandangkan mereka kurang perhatian dan kasih sayang daripada ibu dan bapa, maka pihak pentadbir pertubuhan kebajikan rumah anak-anak yatim perlu membantu golongan minoriti ini dari segi hubungan sosial di asrama, menyediakan sekurang-kurangnya seorang kaunselor untuk setiap pertubuhan serta memberikan kemudahan yang bersesuaian dengan mereka. Anak-anak yatim juga boleh merujuk kaunselor untuk menangani masalah

yang berkaitan dengan diri mereka. Kehadiran seorang kaunselor amat penting untuk membantu mereka membina keyakinan dan jati diri. Hubungan sosial dan kemahiran berkomunikasi amat penting untuk diterapkan dalam diri anak-anak yatim kerana mereka yang kehilangan orang yang penting seperti ibu bapa turut memerlukan seseorang untuk berkongsi luahan hati dan kasih sayang. Jika mereka kurang berinteraksi dengan orang disekeliling mereka, maka ia akan mendatangkan kemurungan pada diri mereka (Azizi & Tan, 2007).

### **1.7.3 Memberi Maklumat Kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat**

Kajian ini juga dijalankan adalah untuk memberi maklumat kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat tentang keperluan-keperluan yang diperlukan oleh golongan minoriti seperti mereka. Jabatan kebajikan masyarakat juga perlu tahu bahawa kehidupan anak-anak yatim yang diterima untuk menjadi penghuni di setiap pertubuhan kebajikan anak-anak yatim secara tidak langsung dapat membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi seperti kemudahan tempat tinggal yang kondusif, kemudahan dari segi pembelajaran dan juga dapat membantu mereka dengan menyalurkan bantuan kewangan serta keperluan-keperluan lain.

### **1.7.4 Ketiadaan Kajian Berkaitan Penerapan Kelestarian Kecerdasan Interpersonal Dan Intrapersonal Anak-Anak Yatim Perlis.**

Kajian yang dijalankan oleh Deddy (2011) hanya menekankan kepada masalah pembelajaran berdasarkan kecerdasan interpersonal, intrapersonal dan eksistensial. Hasil dapatan menunjukkan kecerdasan interpersonal, intrapersonal dan eksistensial dapat meningkatkan kualiti pendidikan pelajar-pelajar. Malahan kajian yang dibuat

oleh Jamaludin et. al (2011) juga hanya berfokuskan kepada kemurungan dalam kalangan penghuni rumah anak yatim di daerah Kota Bharu dan tidak menekankan kepada hubungan interaksi dengan orang lain dan diri mereka sendiri. Maka dengan ini, penyelidik berasa pentingnya penyelidikan ini dijalankan kerana belum ada lagi penyelidikan-penyelidikan lepas yang berkaitan dengan penerapan kelestarian kecerdasan interpersonal dan intrapersonal anak-anak yatim Perlis.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi memberi manfaat dan maklum balas kepada masyarakat supaya dapat mengetahui dengan lebih mendalam mengenai perlunya kecerdasan interpersonal dan intrapersonal bagi golongan anak-anak yatim ini dalam membina jati diri serta dapat membentuk anak yatim yang berilmu dan berakhlak. Kajian ini juga dijangka dapat digunakan untuk menilai keberkesanan rawatan terhadap profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Selain itu, kajian ini juga membolehkan penyelidik memperoleh maklumat yang lebih jelas dan menyeluruh tentang kedua-dua kecerdasan ini.

### **1.8.1 Anak-Anak Yatim**

Penggunaan Teori Kepelbagaian Kecerdasan Gardner dari aspek interpersonal dan intrapersonal berupaya membantu anak-anak yatim mengesan kelemahan dan kekuatan diri masing-masing. Kajian ini juga patut dilaksanakan agar anak-anak yatim tidak tersisih daripada masyarakat serta mampu membina jati diri dengan lebih baik. Selain itu, kajian ini penting untuk mengenal pasti permasalahan yang dihadapi dalam kalangan penghuni rumah anak yatim.

### **1.8.2 Kebajikan Masyarakat**

Kajian ini dapat membantu jabatan kebajikan masyarakat dalam menyediakan kemudahan-kemudahan yang sepatutnya terhadap anak-anak yatim. Anak-anak yatim bukan sahaja memerlukan tempat tinggal malahan mereka seharusnya didedahkan dengan pelbagai kemahiran terutamanya dari segi komunikasi agar tidak berasa tersisih dan mundur dari segi pembelajaran. Pihak kebajikan masyarakat juga perlu mengambil beberapa inisiatif untuk membantu golongan minoriti ini supaya dapat membantu mereka meningkatkan tahap motivasi dan mengikis sikap malu yang ada dalam diri mereka.

### **1.8.3 Institusi Pendidikan Awam, Sekolah, Guru, Pihak Pentadbiran**

Pihak-pihak yang terbabit dengan sistem pendidikan seperti Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri, Pusat Perkembangan Kurikulum dan Lembaga Peperiksaan Malaysia perlulah mengambil inisiatif dengan lebih aktif bagi memberi kesedaran kepada guru-guru dan pihak sekolah tentang kepentingan penerapan kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal dalam diri pelajar. Penyelidikan ini juga dapat membantu institusi pendidikan awam, swasta dan pihak sekolah dalam proses penggubalan kurikulum bagi meneliti kedua-dua kecerdasan dalam kalangan mereka. Hal ini kerana kecerdasan interpersonal dan intrapersonal merupakan aspek yang turut mempengaruhi pencapaian akademik mereka di samping dapat membangunkan modal insan yang berguna. Kecerdasan intelek yang tinggi saja tidak lengkap jika tidak disusuli dengan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Hilludin (2003) juga telah menyatakan bahawa pelajar yang cemerlang dalam pembelajaran merupakan pelajar yang sentiasa bijak mengendalikan emosinya serta mempunyai motivasi intrinsik dan

ekstrinsik yang tinggi. Justeru, guru-guru juga perlu memberi penekanan terhadap aspek interpersonal dan intrapersonal dalam kalangan mereka. Menurut Mayer, Salovey dan Caruso (2000), motivasi memainkan peranan sebagai desakan dalaman yang akan mendorong seseorang individu itu melakukan sesuatu bagi mencapai matlamat.

## **1.9 Limitasi Kajian**

Kajian ini hanya dijalankan di tiga buah pertubuhan rumah anak-anak yatim di negeri Perlis sahaja. Responden pula hanya terdiri daripada golongan minoriti di Perlis. Pemilihan pertubuhan rumah anak-anak yatim di negeri Perlis ini adalah berdasarkan kepada jaraknya yang berdekatan dengan Sintok dan kos perjalanannya yang murah. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini tidak dapat digunakan untuk menerangkan keadaan yang sama bagi semua pertubuhan rumah anak-anak yatim di seluruh Malaysia.

## **1.10 Definisi Operasional Kajian**

Berikut merupakan definisi operasional beberapa konsep utama yang digunakan dalam penyelidikan ini. Konsep-konsep yang digunakan ini adalah berdasarkan pentafsiran yang digunakan sepanjang penulisan ini.

### **1.10.1 Kecerdasan Interpersonal**

**Definisi Konsep:** Gardner (2004) mentakrifkan kecerdasan sebagai kemampuan menyelesaikan masalah dalam sesuatu keadaan. Kecerdasan interpersonal adalah kemampuan untuk memahami dan berinteraksi dengan orang lain melalui komunikasi

yang berkesan. Kecerdasan interpersonal ini dapat menunjukkan motivasi yang tinggi dan cenderung untuk memahami perasaan orang lain. Biasanya dapat bekerja dengan baik dalam kumpulan dan berkebolehan untuk memimpin, sensitif terhadap orang lain, boleh mengenali dan membezakan tingkah laku seseorang individu itu.

### **Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, kecerdasan interpersonal digunakan untuk melihat corak hubungan anak-anak yatim dengan masyarakat sekeliling, ingin memupuk semangat bekerjasama antara satu sama lain, mengurangkan perasaan rendah diri dalam diri mereka serta mampu mendidik mereka supaya lebih berdikari dan berani tampil mengeluarkan idea-idea bernas. Kecerdasan ini juga amat penting untuk mereka berkomunikasi secara efektif dan saling bergantung antara seseorang individu dengan individu lain. Sekiranya kecerdasan interpersonal dapat dilihat dalam diri anak-anak yatim maka interaksi akan menjadi lebih mudah, senang didekati dan dapat membina hubungan sosial secara baik.

#### **1.10.2 Kecerdasan Intrapersonal**

**Definisi Konsep:** Menurut Gardner (1983), kecerdasan intrapersonal juga dikenali sebagai *self smart*. Kecerdasan intrapersonal merujuk kepada kemampuan untuk mengenali diri sendiri dengan memiliki konsep diri yang jelas. Individu yang mempunyai kecerdasan ini dapat memahami perasaan dalaman, refleksi diri, alam ghaib dan kehidupan sendiri. Menurut Campbell (1999), individu yang mempunyai kecerdasan intrapersonal yang tinggi biasanya akan menyatakan hasrat keinginannya

dengan baik, tidak memaksa, tahu tentang kelebihan dan kekurangan diri serta percaya dengan kebolehan yang ada dalam diri.

**Definisi Operasional:** Melalui penyelidikan ini, kajian ingin melihat kecerdasan intrapersonal yang ada dalam diri anak-anak yatim. Anak-anak yatim yang mempunyai kecerdasan ini berkebolehan untuk memberi tumpuan dan perhatian ke atas mindanya dan membuat taakulan, mengenali diri sendiri dengan baik dari aspek perasaan, niat, matlamat hidup serta motivasi diri. Kecerdasan intrapersonal juga mampu membantu anak-anak yatim mengungkapkan keinginannya sendiri dan mampu memahami bahawa bukan semua keinginan boleh dicapai. Melalui kecerdasan intrapersonal juga dapat membentuk karakter anak-anak yatim serta dapat menanamkan nilai-nilai positif dalam diri mereka serta mempunyai perasaan percaya kepada diri yang amat tinggi.

### **1.11 Kesimpulan**

Bab satu ini menjelaskan mengenai masalah kajian yang melibatkan responden daripada anak-anak yatim yang terdapat di kedua-dua pertubuhan tersebut. Laporan kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama membincangkan tentang pengenalan kajian iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, matlamat dan objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian serta batasan kerja dalam menjalankan kajian ini. Pada keseluruhan bab ini, penyelidik telah menerangkan secara terperinci tentang kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal. Di samping itu juga penyelidik telah membincangkan objektif kajian berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikenal pasti. Selain itu, penyelidik turut membentuk

hipotesis kajian bagi melihat kesan ke atas profil kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal anak-anak yatim Perlis



## **BAB 2**

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bahagian ini akan memberikan huraian literatur yang lebih jelas mengenai penyelidikan yang ingin dilakukan. Sorotan literatur ini dibuat dengan merujuk kepada kepelbagaian kecerdasan yang memberi fokus kepada kecerdasan interpersonal dan intrapersonal dalam kalangan anak-anak yatim.

#### **2.2 Kajian Lepas Berkaitan Kecerdasan**

Menurut kamus dewan, kecerdasan bermaksud kesempurnaan akal (untuk berfikir, mengerti, dan lain-lain seperti kepandaian, kepintaran dan kecerdikan). Menurut Nik Azis, 1990 kecerdasan adalah merujuk kepada kebolehan individu untuk memperoleh manfaat daripada pengalaman baru. Setiap individu mempunyai kecerdasan yang unik bagi diri masing-masing (Armstrong, 2000).

Pada tahun 1983, seorang ahli psikologi barat iaitu Howard Gardner telah mengasaskan satu teori yang berkaitan kecerdasan iaitu teori kepelbagaian kecerdasan melalui bukunya yang berjudul *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*. Konsep yang dibawa menerusi teori kepelbagaian kecerdasan ini memberi gambaran yang lebih luas berkaitan konsep kecerdasan. Hal ini kerana kepelbagaian kecerdasan yang diperkenalkan lebih bersifat dinamik dan mengandungi pelbagai dimensi yang saling berkait antara satu sama lain. Malah semua jenis

kecerdasan tersebut berkerjasama secara yang kompleks yang kadang-kala tidak disadari oleh setiap individu.

Gardner (1983) mendefinisikan kecerdasan sebagai satu set kemahiran yang membolehkan seseorang itu menyelesaikan masalah atau menghasilkan keluaran atau perkhidmatan yang bernilai kepada budayanya. Menurut Campbell, Campbell, & Dickinson, (2004) kepelbagaian kecerdasan merupakan alat dalam pembelajaran, penyelesaian masalah dan dicipta untuk kegunaan semua peringkat umur. Gardner (1983) menerangkan secara terperinci berkaitan lapan jenis kecerdasan yang dimiliki manusia iaitu kecerdasan verbal linguistik, logik matematik, ruang visual, kinestatik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis. Namun dalam kajian ini hanya memberi fokus kepada kecerdasan interpersonal dan intrapersonal yang dianggap penting dalam membentuk emosi, jati diri, keyakinan dan waja diri anak-anak yatim bagi menghadapi kehidupan yang serba mencabar. Kecerdasan interpersonal dan intrapersonal dihuraikan seperti berikut:

### **2.2.1 Kecerdasan Interpersonal**

Kecerdasan interpersonal adalah berkait rapat dengan emosi. Individu yang mempunyai kecenderungan kecerdasan ini berkebolehan untuk memahami perasaan, motivasi, tabiat serta berinteraksi dengan orang lain melalui komunikasi yang berkesan. Kebiasaannya kecerdasan ini membentuk individu agar dapat bekerja dengan baik dalam kumpulan dan berkebolehan untuk memimpin, sensitif terhadap perasaan orang lain, boleh mengenali dan mengkategorikan perilaku orang lain. Anderson (1999) pula menyatakan bahawa kecerdasan interpersonal ini mempunyai

tiga dimensi utama iaitu *social sensitivity*, *social insight* dan *social communication*. Menurutny lagi, setiap individu mempunyai kemampuan untuk merasakan dan melihat reaksi mahupun perubahan yang ditunjukkan oleh orang lain secara lisan ataupun tidak lisan. Seseorang itu mempunyai sensitiviti yang tinggi jika mampu memahami dan menyedari reaksi positif dan negatif yang ditunjukkan oleh orang lain.

Manakala *social insight* pula menunjukkan seseorang individu itu mampu untuk memahami dan mencari cara untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi dengan efektif dalam interaksi sosial yang positif. Sekiranya seseorang individu itu menunjukkan perkembangan diri yang positif, maka individu itu mampu untuk memahami keadaan dirinya secara rasional. Kemampuan dalam *social communication* pula dapat digunakan untuk membina dan mengeratkan hubungan interpersonal dengan lebih baik. Komunikasi yang berkesan adalah apabila seseorang individu itu mampu mendengar dengan baik, bertutur dengan lancar serta mampu menulis secara efektif. Kajian menunjukkan seseorang yang mempunyai kecerdasan interpersonal mempunyai keyakinan apabila bersuara, mampu berdikari dan bijak dalam menyampaikan idea dan pendapat.

Kecerdasan interpersonal membantu individu bersosial dengan orang lain. Hubungan sosial mula wujud ketika peringkat awal zaman kanak-kanak, zaman persekolahan dan sehinggalah memasuki alam pekerjaan. Kecerdasan interpersonal harus dipupuk dalam kalangan anak-anak yatim kerana ia melambangkan keperibadian seseorang. Penerapan ini akan membantu membina daya kepimpinan serta keyakinan diri tanpa

menjadikan kekurangan sebagai anak yatim sebagai halangan untuk mencipta kejayaan yang lebih besar.

### **2.2.2 Kecerdasan Intrapersonal**

Kecerdasan intrapersonal dikenali juga sebagai self smart, individu ini biasanya berkebolehan untuk memahami perasaannya sendiri, emosi dan keperluan hidupnya. Gardner (2000) menyatakan bahawa seseorang individu itu mempunyai kecerdasan intrapersonal apabila mampu mengenali diri sendiri dengan memiliki konsep diri yang jelas dan positif. Campbell (1999) pula berpendapat bahawa kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan intrapersonal yang tinggi selalunya akan menyatakan hasrat yang diingini dengan baik, tidak terlalu mendesak dan berani tampil ke hadapan. Individu yang cenderung dengan kecerdasan ini dapat memahami perasaan dalaman, refleksi diri, alam ghaib dan kehidupan sendiri, berkebolehan menumpukan perhatian ke atas mindanya dan membuat taakulan, mengenali diri sendiri dengan baik dalam aspek berkaitan perasaan, niat, matlamat hidup, dan motivasi diri serta ada kalanya mereka gemar bersendirian. Kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan intrapersonal yang rendah pula akan timbul perasaan rendah diri, malu untuk berhadapan dengan orang lain serta kurang percaya pada diri sendiri. Ini dapat dilihat dalam kalangan anak-anak yatim yang kurang perhatian dan mempunyai sikap keyakinan diri yang amat rendah (Amstrong; 2000). Menurut Kornhaber, Fierros dan Veenema (2004), pengaplikasian kecerdasan interpersonal dan intrapersonal dalam kehidupan dapat membina kecekapan menguasai disiplin pemikiran yang penting. Menerusi kecerdasan intrapersonal individu dapat mengenali diri sendiri dengan memahami keperluan, cita-cita dan kehendak sendiri. Manakala kecerdasan interpersonal merangsang individu

memahami masyarakat di mana sahaja mereka tinggal dan mencapai pemahaman yang lebih baik untuk berinteraksi dengan orang awam dengan cara yang lebih produktif.

Terdapat banyak aktiviti-aktiviti yang disarankan untuk meningkatkan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Antara aktiviti berkaitan kecerdasan interpersonal ialah aktiviti berkumpulan, kerja amal dan menemu ramah tokoh-tokoh tertentu. Malah aktiviti yang mengkehendaki individu menceritakan perasaan sendiri, keinginan, cita-cita, dan mengarang cerita juga berupaya menggalakkan individu menggunakan kecerdasan interpersonal. Manakala aktiviti kecerdasan intrapersonal ialah aktiviti individu dan melaporkan tentang perkara atau hobi yang diminati.

Menurut Michael (1985), kecerdasan memainkan peranan utama dalam bidang psikologi dan pendidikan, malah ia diuji semenjak 85 tahun yang lalu. Program bercorak pendidikan yang mengambil kira kepelbagaian kecerdasan bukan hanya mempengaruhi prestasi pelajar, malah ia juga turut mempengaruhi sikap, modaliti dan kelakuan pelajar. Kajian oleh Bruce Campbell (1990), membuktikan perkara ini apabila beliau melaksanakan suatu program pembelajaran yang melibatkan teori kepelbagaian kecerdasan di dalam kelas. Dapatan kajian menunjukkan berlaku peningkatan kemahiran modaliti yang pelbagai, sikap dan kelakuan. Oleh itu, diharapkan dengan mengadakan program yang mengambil kira kecerdasan interpersonal dan intrapersonal sedikit sebanyak dapat mengubah sikap dan memberi keyakinan diri dan emosi yang kukuh dalam kalangan anak-anak yatim.

Memperkembangkan potensi manusia merupakan salah satu aspek yang dinyatakan dengan jelas dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu guru disarankan agar mempelbagaikan aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran untuk mengoptimumkan potensi pelajar. Terdapat banyak penulisan (Armstrong, 2000; Campbell, Campbell & Dickinson, 2004; Gardner, 1983, 1996, 1999, 2004; Hatch & Gardner, 1997; Kagan & Kagan, 1998; Mok Soon Sang, 2000; Nik Azis, 1999) yang bersetuju bahawa potensi manusia dikaitkan dengan bakat manusia yang menjadi salah satu aspek daripada fitrah manusia. Ia boleh ditonjolkan dalam aspek-aspek jasmani, mental, rohani dan emosi pada tahap yang berbeza. Ini kerana tidak ramai individu yang berpeluang meningkatkan potensi diri dalam persekitarannya. Menurut Gardner (1983;1999), potensi boleh dirujuk dan diukur dalam darjah kecerdasan. Sehubungan itu, teori kepelbagaian kecerdasan yang diasaskan oleh Howard Gardner (1983) bertujuan menerangkan bahawa manusia bukan hanya mempunyai satu kecerdasan tetapi sekurang-kurangnya lapan kecerdasan pada tahap yang berbeza.

Kepelbagaian kecerdasan yang diutarakan oleh Gardner (1983) dalam bukunya yang berjudul *frames of mind* menjelaskan kecerdasan melalui pelbagai sudut kebolehan, keupayaan, bakat atau kemahiran yang wujud secara semulajadi. Jenis kecerdasan yang dikenal pasti adalah verbal linguistik, logik matematik, ruang visual, kinestetik, muzik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis. Gardner (1983) mendakwa bahawa setiap kecerdasan adalah berasingan dan tidak saling bergantung. Hal ini bermakna seseorang individu mungkin lemah dalam sesuatu bidang kemahiran tetapi cemerlang dalam domain (bidang kecerdasan) yang lain. Menurut beliau lagi, setiap individu mempunyai kelapan-lapan kecerdasan tetapi pada darjah atau kadar yang berbeza-beza

dari segi kekuatan dan kemahiran. Gardner menegaskan bahawa kecerdasan tersebut boleh dikembangkan menerusi pendidikan, pengalaman dan persekitaran.

Melalui teori kepelbagaian kecerdasan Gardner (1983), melihat fungsi kognitif dalam pandangan yang lebih luas, bertentangan dengan definisi kecerdasan mengikut teori *intelligence quotient* (IQ). Di dalam teori IQ (berasaskan kepada kecerdasan logik matematik dan verbal linguistik) mengandaikan bahawa potensi intelek seseorang individu itu adalah tetap, ditentukan secara genetik dan boleh diukur pada peringkat usia muda serta akan menentukan potensi individu tersebut. Sebaliknya dalam teori kepelbagaian kecerdasan, Gardner (1983) mendefinisikan kecerdasan sebagai satu set kemahiran yang membolehkan seseorang itu menyelesaikan masalah atau menghasilkan keluaran atau perkhidmatan yang bernilai kepada budayanya. Oleh yang demikian, teori Gardner (1983) telah menyediakan rangka kerja untuk satu perubahan (metamorphosis) pendidikan dalam semua peringkat pembelajaran. Melalui teori kepelbagaian kecerdasan terdapat empat intipati penting yang disampaikan oleh Gardner. Intipati tersebut adalah seperti berikut:

1. Setiap manusia mempunyai kesemua lapan kecerdasan dan kelapan-lapan kecerdasan tersebut berfungsi bersama dengan cara yang unik. Ada yang mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi dalam hampir kesemua lapan kecerdasan dan sebaliknya bagi sesetengah individu. Kecerdasan kebanyakan individu terletak di tengah-tengah dengan kekuatan dalam beberapa jenis kecerdasan dan kurang terbentuk dalam satu atau dua jenis kecerdasan.

2. Kecerdasan boleh dibangunkan. Gardner menyatakan bahawa setiap individu mempunyai kebolehan membangunkan kesemua kecerdasannya dengan adanya galakan, pengayaan dan pengajaran yang sesuai.
3. Kecerdasan berfungsi bersama dengan cara yang kompleks. Tidak ada kecerdasan yang berfungsi secara bersendirian. Kecerdasan berinteraksi dan berkait dengan satu sama lain.
4. Terdapat pelbagai cara untuk menjadi cerdas. Tidak terdapat satu set kelebihan seseorang mesti perolehi untuk dianggap sebagai cerdas. Contohnya terdapat individu yang tidak pandai menari tetapi mempunyai kecekapan dalam membina model. Kedua-dua kecerdasan ini memerlukan kecerdasan kinestetik.

Melalui teori kepelbagaian kecerdasan ini turut dinyatakan beberapa justifikasi berkaitan kewujudan kecerdasan mengikut pendapat pengasasnya Gardner (1983). Gardner telah membuat rujukan daripada beberapa sumber untuk membuktikan wujudnya lapan jenis kecerdasan. Beliau cuba membezakan di antara kecerdasan yang mempunyai punca biologi dengan bakat atau kemahiran. Beliau mengenal pasti kriteria asas setiap kecerdasan perlu ada supaya boleh dianggap sebagai kecerdasan. Kriteria tersebut adalah seperti berikut:

1. Kajian kecederaan otak - Apabila seseorang mengalami kecederaan otak, satu bahagian kecerdasan akan rosak. Contohnya, apabila seseorang mengalami kecederaan di kawasan broca, kecerdasan verbal linguistik mungkin terjejas.



Individu tersebut mungkin sukar untuk bertutur, membaca dan menulis, tetapi masih boleh mengira, menari dan menyanyi.

2. Individu luar biasa - Terdapat individu yang mempunyai tahap yang tinggi dalam sesuatu kecerdasan. Seseorang individu boleh mencongak nombor multi digit dalam kepala atau boleh memainkan gubahan muzik selepas sekali mendengarnya. Manakala terdapat pula individu yang cacat mental tetapi mempunyai keupayaan yang tinggi dalam kecerdasan lain seperti muzik atau melukis.
3. Operasi asas – Setiap kecerdasan mempunyai satu set operasi asas. Contohnya dengan kecerdasan muzik, seseorang itu boleh mendiskriminasi struktur ritma dan sensitif kepada nada.
4. Sejarah perkembangan - Setiap kecerdasan mempunyai sejarah perkembangannya yang tersendiri. Terdapat kecerdasan yang dimiliki individu sejak zaman kanak-kanak lagi (masa permulaan), kecerdasan boleh berkembang dan terus meningkat dalam hidup seseorang (masa kemuncak) dan secara beransur-ansur kecerdasan boleh merosot (masa kejatuhan). Contohnya kecerdasan muzik boleh memuncak pada peringkat awal, manakala mungkin kecerdasan verbal linguistik memuncak pada peringkat yang agak lewat.
5. Sejarah evolusi - Setiap kecerdasan mempunyai asal-usul dalam sejarah manusia. Contohnya, bukti arkeologi menyokong kewujudan alat muzik kuno. Sementara itu, lukisan yang terdapat pada gua juga merupakan contoh bagi kecerdasan ruang visual.

6. Dapatan kajian psikologi - Beberapa kajian psikologi membuktikan bahawa kecerdasan berfungsi secara berasingan. Contohnya, seseorang mungkin menguasai sesuatu kemahiran seperti menyelesaikan masalah matematik tetapi mungkin mereka tidak dapat membaca dengan baik. Begitu juga, seseorang individu mungkin mempunyai memori yang kuat untuk mengingati perkataan tetapi mungkin sukar untuk mengingati rupa seseorang.
7. Dapatan psikometrik - Ujian setara menyokong teori kepelbagaian kecerdasan. Terdapat beberapa ujian setara yang menguji beberapa jenis kecerdasan. Contohnya jika seseorang dapat menyelesaikan masalah yang memerlukan penaaakulan abstrak, maka ini membuktikan beliau mempunyai kecerdasan logik-matematik.
8. Sistem simbol – Kecerdasan boleh ditunjukkan dalam bentuk simbol. Contohnya terdapat bahasa lisan dan penulisan, bahasa grafik, bahasa komputer dan sistem nota muzik.

Selanjutnya Gardner (1983) menerangkan secara terperinci berkaitan lapan jenis kecerdasan yang dimiliki manusia iaitu kecerdasan verbal linguistik, logik matematik, ruang visual, kinestatik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis. Namun, dalam kajian ini pengkaji hanya ingin melihat dua jenis kecerdasan sahaja yang dimiliki oleh seseorang individu iaitu kecerdasan interpersonal dan intrapersonal.

### **2.3 Isu Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Berdasarkan Teori Kepelbagaian Kecerdasan**

Menurut Johnson (2007), kepelbagaian kecerdasan boleh dijadikan sebagai garis panduan dalam membangunkan sesuatu kurikulum kerana ianya mengambil kira pengalaman pembelajaran menerusi aktiviti. Dakwaan ini selari dengan kenyataan Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) yang menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran ada kaitan dengan kepelbagaian kecerdasan. Hal ini kerana, padanan antara aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan kepelbagaian kecerdasan pelajar akan meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu mata pelajaran. Menurut Campbell et al., (2004), kepelbagaian kecerdasan merupakan alat dalam pembelajaran, penyelesaian masalah dan dicipta untuk kegunaan semua peringkat umur.

Wagmeister dan Shifrin (2000) bersetuju bahawa pengaplikasian kepelbagaian kecerdasan dalam aktiviti pembelajaran boleh menarik minat pelajar untuk menyelami isi pelajaran. Menurut Johnson (2007), kepelbagaian kecerdasan membantu guru mengorganisasikan kurikulum dengan jelas. Antaranya merancang aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dapat mencungkil kebolehan dan bakat pelajar yang pelbagai dan unik. Gardner (1999) mendakwa kepelbagaian kecerdasan telah mengubah fokus pengajaran secara tradisional yang lebih menekankan kecerdasan verbal-linguistik dan logik matematik kepada penyusunan aktiviti pembelajaran yang boleh membangunkan lapan jenis kepelbagaian kecerdasan pelajar. Kajian Gardner melalui kajian *project zero* melaporkan bahawa kepelbagaian kecerdasan membawa perubahan dalam kurikulum, penilaian dan pedagogi (Kornhaber, Ferros, & Veenema, 2004). Manakala

kajian literatur oleh Johnson (2007), mendapati kepelbagaian kecerdasan dalam aktiviti P&P memberi kesan peningkatan dalam tiga aspek iaitu pencapaian pelajar, kepelbagaian kecerdasan dalam subjek sains, struktur kurikulum dan pedagogi dalam pengajaran.

Terdapat banyak aktiviti-aktiviti yang disarankan untuk meningkatkan dua jenis kepelbagaian kecerdasan yang ingin dikaji. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang disarankan (Armstrong, 2000; Campbell et al., 2004; Ismail Zain, 2003; Kagan & Kagan, 1998; Ramlah & Mahani, 2002) menurut dua jenis kepelbagaian kecerdasan. Aktiviti kecerdasan interpersonal ialah aktiviti berkumpulan, kerja amal dan menemu ramah tokoh-tokoh tertentu. Manakala aktiviti kecerdasan intrapersonal ialah aktiviti individu dan melaporkan tentang perkara atau hobi yang diminati.

Isu pengaplikasian aspek kepelbagaian kecerdasan di dalam proses P&P semakin mendapat perhatian penyelidik memandangkan pada masa kini terdapat banyak kajian empirikal yang telah membuktikan keberkesanan P&P yang mengambil kira aspek kepelbagaian kecerdasan pelajar (Brualdi, 1998; Campbell 1990; Campbell, 1997; Chan, 2005; Durie, 1998; Ellison, 1993; Johnson, 2007; Kornhaber, Fierros & Veenema, 2004; Hatch & Gardner, 1997; Kallenbac & Viens, 2001; Michael, 1985; Nurulwahida, 2005; Tee Tze Kiong, 2003 dan Zaidatun, 2002).

Menurut Michael (1985), kecerdasan memainkan peranan utama dalam bidang psikologi dan pendidikan, malah ia diuji semenjak 85 tahun yang lalu. Hatch dan Gardner (1997) mendefinisikan kecerdasan sebagai kemampuan individu untuk

menyelesaikan masalah dalam keadaan tertentu. Menurut Gardner (1983) terdapat lapan jenis kepelbagaian kecerdasan yang terdiri daripada verbal linguistik, logik matematik, ruang visual, kinestatik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis. Setiap individu mempunyai kesemua kecerdasan tetapi bukan semua kecerdasan itu berkembang dengan seimbang dan lazimnya setiap individu mempunyai sekurang-kurangnya satu kecerdasan yang lebih menonjol berbanding dengan lain-lain kecerdasan (Armstrong, 2000; Brualdi, 1998; Campbell, Campbell, & Dickinson, 2004 ;Gardner, 1983; Salbiah, 2001). Hal ini kerana, setiap manusia mempunyai kecerdasan yang unik bagi diri masing-masing (Brualdi, 1998).

Program pembelajaran yang mengambil kira kepelbagaian kecerdasan bukan hanya mempengaruhi prestasi pelajar, ianya juga turut mempengaruhi sikap, modaliti dan kelakuan pelajar. Kajian oleh Bruce Campbell (1990), membuktikan perkara ini apabila beliau melaksanakan suatu program pembelajaran yang melibatkan teori kepelbagaian kecerdasan di dalam kelas. Dapatan kajian menunjukkan berlaku peningkatan kemahiran modaliti yang pelbagai, sikap dan kelakuan.

Menurut Durie (1998) guru perlu mempelbagaikan kaedah pembelajaran dan penilaian agar prestasi pelajar yang sebenar dapat dilihat dan diukur. Ini kerana jika penilaian hanya dijalankan menerusi satu kaedah seperti peperiksaan maka hanya satu golongan pelajar sahaja yang akan dikenal pasti sebagai golongan yang berjaya iaitu pelajar yang berorientasikan peperiksaan. Menurut Kornhaber, Fierros dan Veenema (2004), pengaplikasian aspek kepelbagaian kecerdasan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat membina kecekapan seperti membaca dan menulis, menguasai

disiplin pemikiran yang penting, memberi gambaran kepada pelajar dalam pelbagai simbol artistik, memahami masyarakat di mana sahaja mereka tinggal dan mencapai pemahaman yang lebih baik untuk berinteraksi dengan orang awam dengan cara yang lebih produktif.

Menurut Wallach dan Callahan (1994) kepelbagaian kecerdasan diaplikasikan dalam pelajaran berkaitan tanaman. Antara aktiviti yang dilakukan pelajar ialah membaca buku-buku rujukan berkaitan bunga, pokok dan tanaman, menulis sajak dan bercerita berkaitan flora dan mengadakan eksperimen terhadap tanaman. Pelajar turut dibawa melawat taman botani, menemu bual arkitek landskap tempatan dan mencipta muzium tumbuhan luar biasa.

Menurut Johnson (2007), pelajar sekolah turut mengaplikasikan aspek kepelbagaian kecerdasan ketika mempelajari topik hutan hujan. Aktiviti yang dijalankan ialah menjadikan suasana bilik darjah seolah-olah berada di hutan hujan. Pelajar menghiasi dinding bilik darjah, meletakkan kesan bunyi, muzik, flora dan mencipta persekitaran yang lembap agar menampakkan persekitaran hutan hujan sebenar (Wagmeister & Shifrin, 2000).

Menurut Gardner dan Hatch (1990), teori kepelbagaian kecerdasan turut diaplikasikan oleh Patricia Bolanos dan rakan untuk mereka bentuk sistem sekolah di Indianapolis. Kelas-kelas dibahagikan menggunakan konsep kepelbagaian kecerdasan apabila pelajar diberi peluang untuk mengenal pasti bidang kekuatan masing-masing dan meningkatkan sebanyak mungkin kecerdasan yang lain.

Menurut Campbell (1997), pelajar menghabiskan masa belajar dengan cara bergerak dari satu stesen pembelajaran ke stesen yang lain. Stesen-stesen pembelajaran tersebut mengajar tentang satu topik yang sama dengan menggunakan kaedah pengajaran yang berbeza mengikut kepelbagaian kecerdasan pelajar. Contohnya untuk mempelajari fotosintesis, pelajar akan menjalani eksperimen yang berkaitan di satu stesen, membaca mengenainya di stesen yang lain, menyanyi mengenainya di stesen yang lain, menggambarkan proses fotosintesis dalam bentuk carta, membincangkan mengenai tumbuh-tumbuhan dan kitaran hidup manusia dan akhirnya bertindak balas terhadap konsep fotosintesis yang berkaitan dengan kehidupan mereka.

Pada tahun 1989 hingga 1990, Bruce Campbell (1990) menjalankan kajian tindakan berkaitan kesan kecerdasan pelbagai ke atas tingkah laku, sikap dan kebolehan pelajar untuk bekerjasama. Dapatan kajian dilaporkan seperti berikut:

- i. Kemahiran koperatif pelajar meningkat.
- ii. Pelajar kelihatan lebih berdikari, bertanggungjawab dan mempunyai kawalan diri ke atas perkara yang dipelajari.
- iii. Pelajar yang sebelum ini menghadapi masalah disiplin didapati berubah dan tidak lagi memaparkan tingkah laku negatif.
- iv. Pelajar lebih mahir memimpin.
- v. Mampu menjalankan aktiviti dengan menggunakan kedua-dua jenis kepelbagaian kecerdasan.
- vi. Guru lebih memberi bimbingan dan panduan daripada mengarah. Guru menjadi sumber maklumat dan lebih pelbagai dalam membimbing.

- vii. Pelajar lebih progresif dalam menyesuaikan diri dengan suasana pembelajaran yang sepadan dengan kepelbagaian kecerdasan mereka.
- viii. Ibu bapa mendapati tingkah laku anak berubah ke arah sikap positif terhadap sekolah dan kehadiran ke sekolah meningkat.

Kornhaber, Fierros dan Veenema (2004), melaporkan kajian Gardner yang dikenali sebagai *Project Zero*. Tujuan kajian dijalankan bagi mengenal pasti kesan teori kepelbagaian kecerdasan (*School Using Multiple Intelligence Theory: SUMIT*) yang dijalankan selama tiga setengah tahun. Data dikutip daripada 41 buah sekolah daripada 18 negeri yang mana 61% melibatkan pelajar sekolah rendah dan selebihnya sekolah menengah. Data kajian dipungut menerusi temu bual telefon, lawatan ke sekolah dan pemerhatian di bilik darjah. Sesi temu bual yang mendalam dijalankan terhadap guru, staf pentadbiran, dan pelajar. Manakala semua hasil kerja pelajar dan guru dikumpul dan dianalisis. Data kajian dianalisis berdasarkan empat hasil yang berbeza iaitu skor ujian, kebolehan pembelajaran pelajar, disiplin pelajar dan penyertaan daripada ibu bapa. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan dalam perkara-perkara berikut:

- 80 peratus sekolah melaporkan peningkatan dalam skor ujian standard.
- 80 peratus sekolah melaporkan kebolehan pelajar dalam pembelajaran meningkat termasuklah motivasi, usaha, dan penyesuaian sosial.
- 80 peratus sekolah melaporkan bahawa pelajar menunjukkan perubahan disiplin yang lebih baik berbanding sebelumnya.
- 80 peratus sekolah melaporkan peningkatan dalam penyertaan ibu bapa.



Terdapat beberapa lagi penyelidikan yang telah dilakukan oleh beberapa orang penyelidik mengenai kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Antaranya ialah Buschick, Shipton, Winner & Wise (2007) yang telah melakukan penyelidikan terhadap 133 orang pelajar sekolah rendah dengan menggunakan instrumen edaran borang soal selidik, temubual bersama pelajar dan temubual bersama guru-guru sekolah. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan kecerdasan yang tinggi ialah kecerdasan interpersonal manakala kecerdasan intrapersonal pula berada pada tahap yang rendah. Hasil dapatan juga menunjukkan guru lebih bertoleransi dengan keperluan kepelbagaian kecerdasan pelajar. Penyelidikan yang dilakukan oleh Chan (2005) pula terhadap 604 orang pelajar menunjukkan pelajar kuat dalam kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Pelajar lebih menyukai aktiviti pembelajaran seperti perbincangan, kuliah, dan pengajaran rakan sebaya. Che Zaini (2000) pula telah menggunakan terjemahan inventori kepelbagaian kecerdasan Lazear, inventori gaya belajar Charles C. Bonwell sebagai instrumen kajian terhadap 362 pelajar sekolah menengah aliran sains dan sains sosial. Hasil penyelidikan yang diperolehi menunjukkan sebanyak 54 peratus pelajar mempunyai kecerdasan interpersonal dan 49 peratus pelajar mempunyai kecerdasan intrapersonal.

Manakala hasil penyelidikan yang dijalankan oleh Kallenbach dan Viens (2001) mendapati guru amat berpuas hati dengan pengaplikasian kepelbagaian kecerdasan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana berupaya menarik perhatian dan minat para pelajar selain meningkatkan potensi yang sedia ada. Penyelidikan yang dijalankan oleh Nurulwahida (2005) terhadap 242 orang pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) mendapati Pelajar MRSM cenderung memiliki kecerdasan

intrapersonal pada tahap cemerlang. Penyelidikan yang dijalankan oleh Tee Tze Kiong (2003) terhadap 394 pelajar universiti pula menunjukkan para pelajar cenderung memiliki kecerdasan intrapersonal pada tahap cemerlang. Penyelidikan ini menggunakan instrumen daripada terjemahan inventori kepelbagaian kecerdasan Gardner dan inventori gaya pembelajaran Kolb.

#### **2.4 Kesimpulan**

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada kajian-kajian terdahulu ialah teori kepelbagaian kecerdasan mampu membantu guru dalam menyediakan kerangka pengajaran yang berkesan (Campbell, 1997). Oleh yang demikian, Shore (2004) mencadangkan agar guru menggunakan kepelbagaian kecerdasan supaya dapat menyediakan pengalaman pembelajaran yang relevan kepada pelajar yang berbeza. Gardner (2004), berharap kepelbagaian kecerdasan dapat diterima oleh semua golongan pendidik dan dijadikan sebagai satu falsafah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Skeels (1938) telah menjalankan penyelidikan yang melibatkan 25 kanak-kanak dari sebuah pusat jagaan anak yatim di The Glendwood State School. Kanak-kanak ini berada dalam keadaan yang tidak selesa, kurang rangsangan minda dan lebih bersikap pasif dengan orang di sekelilingnya. Penyelidik telah memilih kanak-kanak yang paling lemah untuk ditempatkan di Glenwood School. Purata IQ mereka ialah 64 manakala purata IQ anak-anak yatim yang kekal di rumah anak yatim tersebut ialah 87.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Dalam bab ini penyelidik akan membincangkan mengenai metodologi kajian. Metodologi kajian digunakan bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai berdasarkan data sah serta boleh dipercayai (Yee, 2002). Menurut Mohd Najib (2003) pula, metodologi penyelidikan merujuk kepada bagaimana kita mendapatkan maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Bagi penyelidikan yang dijalankan ini, penyelidik telah melakukan tiga peringkat proses penyelidikan iaitu tinjauan awal, menjalankan kajian rintis dan merekabentuk modul berdasarkan kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal yang akan digunakan terhadap pelajar daripada kedua-dua pertubuhan kebajikan rumah anak-anak yatim yang telah dipilih. Metodologi kajian yang telah digunakan dalam kajian ini merangkumi reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, tatacara pemerolehan data, tatacara penganalisan data dan kesimpulan.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah *One group pretest and posttest design* iaitu satu kumpulan akan menerima rawatan atau intervensi (Creswell, 2005). Sampel akan diberikan ujian pra sebelum rawatan dan ujian pasca selepas rawatan. Reka bentuk penyelidikan ini merupakan perancangan bagi menentukan cara penyelidikan untuk menemukan jawapan kepada permasalahan penyelidikan yang telah ditetapkan (Field, 2009; Sulaiman, 2002). Hal ini bermakna individu kumpulan

rawatan telah diukur berdasarkan beberapa hasil pemboleh ubah. Reka bentuk penyelidikan ini boleh dirajahkan seperti berikut:

Kumpulan rawatan	O	X	O
	Profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal	Menjalankan aktiviti penyelesaian masalah berdasarkan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal	Profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal (pasca)

**Rajah 1: Reka Bentuk Kajian**

Sumber: (Clark & Creswell, 2008)

Dalam satu kajian reka bentuk “*One Shot Case Study Pretest and Posttest design*”, kumpulan eksperimen terdedah kepada pembolehubah bebas (X), maka pemerhatian dilakukan ke atas pemboleh ubah bersandar (O). Menurut Campbell dan Stanley (1963), dalam rancangan penyelidikan, tempoh masa yang sesuai untuk ujian pasca dijalankan ialah sebulan, enam bulan, dan setahun selepas ujian pra dijalankan. Penilaian eksperimen terhadap ujian pasca yang serta merta tidak akan menghasilkan kesan yang meyakinkan. Justeru itu, untuk kajian ini perbezaan masa antara sebulan hingga dua bulan untuk ujian pra dan ujian pasca dijalankan adalah sesuai dalam menghasilkan kesan yang meyakinkan. Manakala tempoh masa sekurang-kurangnya seminggu antara rawatan dan ujian pasca adalah memadai untuk memperoleh kesan yang meyakinkan (Best & Kahn, 1998; Campbell & Stanley, 1966). Rasional pemilihan reka bentuk kajian secara pra eksperimental berbanding dengan reka bentuk

penyelidikan eksperimental adalah kerana sukar untuk meletakkan responden secara rawak ke dalam kumpulan rawatan (Campbell & Stanley, 1966). Reka bentuk kumpulan rawatan ujian pra-ujian pasca turut disokong oleh Best dan Kahn (1998) dan Cates (1985) kerana reka bentuk ini merupakan satu reka bentuk yang kukuh.

### **3.3 Pendekatan Kajian**

Kajian ini menggunakan gabungan kedua-dua pendekatan iaitu pendekatan secara kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif dilakukan melalui penyelidikan deskriptif dan inferensi. Manakala kajian yang dijalankan secara kualitatif pula perlu dilakukan secara sistematik. Analisis data kualitatif bukanlah satu kaedah yang diterima sebulat suara oleh semua penyelidik (Chua, 2006). Namun begitu, Ratcliff (2005) telah menyatakan kaedah-kaedah analisis data kualitatif yang kerap digunakan oleh para penyelidik kualitatif termasuklah kaedah tipologi, taksonomi, analisis statistik kuasi, analisis perbincangan dan sebagainya. Dalam kajian ini data dikumpul secara kualitatif melalui temu bual. Rasional kajian menggabungkan kedua-dua pendekatan adalah kerana kajian yang terbaik adalah kajian yang sering menggabungkan ciri-ciri yang terdapat pada kajian berbentuk kuantitatif dan juga kualitatif (Neuman, 2000). Selain itu, gabungan kedua-dua pendekatan ini membolehkan penyelidik membuat kajian dengan lebih tepat melalui perspektif yang lebih luas dengan pandangan metodologi yang berlainan (Brewer & Hunter, 1989; Creswell, 2005). Selanjutnya, huraian mengenai kedua-dua pendekatan yang digunakan dalam kajian ini dijelaskan seperti di bawah.

### **3.3.1 Kajian Kuantitatif**

Pendekatan kajian secara kuantitatif digunakan untuk menguji hipotesis dan menjawab persoalan kajian berdasarkan pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian ini. Kaedah kuantitatif yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah secara deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif yang digunakan dapat menghuraikan ciri-ciri pemboleh ubah yang ingin dilihat (Chua, 2006). Kajian secara deskriptif juga digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan demografi pelajar-pelajar di kedua-dua buah pertubuhan kebajikan anak-anak yatim di Perlis. Antara demografi yang penyelidik ingin lihat ialah dari segi jantina, umur dan juga kategori pertubuhan rumah kebajikan anak-anak yatim di Perlis. Ini juga selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Wiersma (1995) yang turut menyatakan bahawa kajian berbentuk deskriptif dapat memberi gambaran atau maklumat mengenai sesuatu keadaan pada suatu masa tertentu, di samping membantu untuk membuat perancangan pada masa akan datang. Deskriptif merujuk kepada kaedah statistik untuk menerangkan ciri-ciri satu kumpulan sampel dan ia dapat memberikan gambaran kepada penyelidik tentang keadaan sedia ada (Mohd Najib, 2001).

Statistik inferensi juga digunakan untuk menghuraikan kesan interaksi pemboleh ubah bersandar terhadap pemboleh ubah bebas. Frankfort dan Nachmias (2000) turut menyatakan bahawa statistik inferensi dijadikan ukuran oleh penyelidik untuk membuat generalisasi keputusan kajian berdasarkan sampel dalam kajian ini. Analisis yang terlibat ialah ujian-t untuk pengukuran berulang (Chua, 2012). Dalam konteks kajian ini terdapat satu set soal selidik yang digunakan iaitu:

- a) Soal selidik latar belakang pelajar bagi mendapatkan data demografi pelajar.
- b) Ujian pra berkenaan dengan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal bagi mendapatkan skor kecerdasan pelajar sebelum bermulanya program.
- c) Ujian pasca berkenaan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal bagi mendapatkan skor kecerdasan interpersonal pelajar setelah tamat program.

### **3.3.2 Kajian Kualitatif**

Penyelidikan secara kualitatif dijalankan bagi membantu penyelidik meramal sesuatu fenomena yang berlaku. Melalui penyelidikan secara kualitatif juga, penyelidik dapat memahami secara mendalam tentang sesuatu keadaan (Denzin, 2001). Ini adalah kerana emosi, tingkah laku manusia, ciri-ciri serta situasi-situasi yang berlaku amat sukar untuk difahami jika hanya menggunakan angka-angka sahaja (Bruce, 2004). Selain itu, penyelidikan secara kualitatif membolehkan pengkaji memperoleh maklumat yang lebih jelas dan menyeluruh berkenaan dengan sesuatu yang ingin diselidik (Fraenkel & Wallen, 1996; Mason, 1996; Merriam, 1998; Wiersma, 1995). Data penyelidikan secara kualitatif diperoleh melalui kaedah temu bual dengan 10 orang pelajar daripada kedua-dua pertubuhan rumah kebajikan anak-anak yatim di Perlis.

Temu bual yang dijalankan terhadap sampel penyelidikan adalah memfokuskan kepada program yang dijalankan. Menurut Bogdan dan Biklen (1982), bilangan sampel yang diambil adalah bergantung kepada tujuan penyelidikan dijalankan dan berpendapat bahawa jika bilangan sampel terlalu kecil dan terlalu besar, maka sukar untuk menganalisis dan juga membuat interpretasi hasil dapatan yang diperolehi. Temu bual yang dijalankan dalam penyelidikan ini pada fasa pertama adalah berkenaan dengan kecerdasan interpersonal dalam kalangan pelajar yang terdiri daripada golongan minoriti ini. Seramai 10 orang responden telah ditemu bual sebanyak 5 soalan yang ditanya oleh penyelidik. Kajian ini telah menggunakan pendekatan secara kuantitatif dan kualitatif untuk memberikan kefahaman serta dapat menerangkan secara lebih holistik (Mohd Najib, 2001).

### **3.4 Variabel Kajian**

Terdapat dua jenis variabel yang digunakan dalam kajian ini iaitu variabel bebas dan variabel bersandar. Variabel bebas terdiri daripada dua kumpulan rawatan dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan pada peringkat umur yang berbeza iaitu dalam lingkungan 9 hingga 18 tahun. Manakala variabel bersandar pula terdiri daripada 2 jenis kecerdasan mengikut Gardner (1996) iaitu kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal.

### **3.5 Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi kajian merujuk kepada anak-anak yatim di seluruh negeri Perlis. Terdapat tiga buah pertubuhan kebajikan rumah anak-anak yatim yang terdiri daripada Pertubuhan Kebajikan Rumah Anak Yatim Mak Teh, Pertubuhan Kebajikan Rumah



Anak-Anak Yatim Kompleks Penyayang dan Asrama Yayasan Saad. Sampel kajian hanya tertumpu kepada dua buah pertubuhan sahaja iaitu Pertubuhan Kebajikan Rumah Anak-Anak Yatim Mak Teh dan Asrama Yayasan Saad. Rasional pemilihan dua buah pertubuhan ini adalah kerana latar belakang akademik mereka yang hampir sama. Iaitu pemilihan anak-anak yatim di kedua-dua buah pertubuhan ini adalah melalui proses penapisan dari segi pencapaian akademik yang baik. Kedua-dua pertubuhan ini terletak di sekitar daerah Kangar, Perlis. Sampel yang terlibat dalam penyelidikan ini adalah seramai 64 orang daripada kedua-dua pertubuhan .

### **3.6 Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan bagi ujian pra dan ujian pasca adalah ujian kepelbagaian kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Instrumen dipetik dari McKenzie (2000) telah diubahsuai dan diterjemahkan dalam Bahasa Melayu. Terjemahan ini telah diguna pakai dalam kajian-kajian terdahulu (Che Zaini, 1998; Tee, 2003; Nurulwahida, 2005; Zaidatun, 2002) yang mempunyai nilai kebolehpercayaan tinggi iaitu 80. Manakala temu bual yang dijalankan melibatkan sampel anak-anak daripada ketiga-tiga pertubuhan tersebut yang terdiri daripada 10 orang.

#### **3.6.1 Soal Selidik**

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan pra eksperimental iaitu jenis reka bentuk kajian kes ujian pra dan ujian pasca (Creswell, 2005; Campell & Stanley, 1963). Soal selidik kajian digunakan untuk memperoleh data penyelidikan kuantitatif. Set borang soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu ujian pra yang mengandungi maklumat berkaitan interpersonal dan intrapersonal. Terdapat dua set borang soal

selidik iaitu untuk melihat data demografi pelajar seperti jantina, umur dan rumah pertubuhan manakala satu lagi bahagian merupakan ujian pra dan ujian pasca untuk melihat kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal anak-anak yatim di Perlis. Soal selidik merupakan kaedah yang paling mudah untuk memperoleh maklumat dan juga data (Sulaiman, 2002). Soal selidik juga digunakan untuk mengukur sikap seseorang individu sama ada melalui soalan respon tetap, terbuka mahupun skala radar.

### **3.6.2 Temu Bual**

Dalam penyelidikan yang berbentuk kualitatif, penyelidik menggunakan kaedah temu bual bersama beberapa orang pelajar yang terdiri daripada Pertubuhan Kebajikan Rumah Anak Yatim Mak Teh dan Asrama Yayasan Saad. Kaedah temu bual dalam penyelidikan ini dirakamkan dengan menggunakan pita rakaman, telefon pintar dan mp4. Soalan temu bual yang dibina adalah berdasarkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan berdasarkan kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal.


### **3.7 Kajian Rintis**

Kajian rintis merupakan suatu kajian kecil dan percubaan yang dilakukan sebagai persediaan untuk kajian yang lebih besar (Polit, Beck & Hungler; 2001). Manakala menurut Baker (1994) pula, kajian rintis yang telah dilakukan juga dapat membantu pengkaji mengenal pasti tentang beberapa perkara yang boleh diperbaiki dalam sesuatu instrumen kajian yang mempunyai kekurangan. Ia juga merupakan pra ujian untuk mencuba instrumen kajian yang khusus. Maka, dengan ini hasil daripada kajian

rintis membolehkan pengkaji membuat pengubahsuaian daripada kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti (Wiersma, 1995). Penyelidik telah menjalankan kajian rintis di Pertubuhan Kebajikan Rumah Anak-Anak Yatim Kompleks Penyayang di Perlis. Kebenaran untuk menjalankan kajian rintis diperoleh daripada pihak pentadbir pertubuhan tersebut. Set soalan ujian pra dan ujian pasca telah diberikan kepada seramai 64 orang anak-anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Rumah Anak-Anak Yatim Kompleks Penyayang. Tujuan kajian rintis adalah untuk mendapatkan kebolehpercayaan instrument. Nilai alfa *Cronbach* yang diperoleh ialah 0.80. Chua (2006) menyatakan bahawa dalam statistik, kebolehpercayaan instrumen kajian yang menggunakan pekali alfa Cronbach iaitu antara 0.65 hingga 0.95 dianggap memuaskan dan boleh dipercayai. Kebolehpercayaan yang diperoleh bagi pengukuran kecerdasan interpersonal dan interpersonal yang diperoleh adalah tinggi dan boleh diterima pakai.

### 3.8 Prosedur Kajian

#### 3.8.1 Tatacara Pemerolehan Data



Sebelum kajian dilaksanakan, penyelidik telah menyiapkan satu modul yang akan digunakan dalam kajian ini. Kebenaran dan persetujuan diperoleh daripada kedua-dua pertubuhan rumah kebajikan anak-anak yatim di negeri Perlis. Penyelidikan ini akan dijalankan terhadap pelajar-pelajar anak yatim yang tinggal di setiap pertubuhan iaitu Pertubuhan Kebajikan Rumah Anak Yatim Mak Teh dan Asrama Yayasan Saad. Setelah borang soal selidik dilakukan penambahbaikan, penyelidik akan mengedarkan soal selidik itu sendiri kepada setiap responden yang telah dipilih.

Dalam kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan ialah “*One Shot Case Study pretest and posttest design*”. Kajian dijalankan di Akademi Binaan Malaysia dan Hotel Seri Malaysia Perlis. Sampel kajian adalah seramai 48 orang pelajar di kedua-dua pertubuhan negeri Perlis. Sampel kajian merujuk kepada anak-anak yatim perempuan Pertubuhan Kebajikan Rumah Anak-Anak Yatim Mak Teh dan anak-anak yatim lelaki dan perempuan Asrama Yayasan Saad. Penyelidik telah membuat temu janji dengan pegawai dan pihak pentadbir di pertubuhan-pertubuhan tersebut bagi membincangkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dengan lebih terperinci.

Kedua-dua pertubuhan tersebut memberi kelulusan untuk pelaksanaan aktiviti yang akan dijalankan. Setelah itu, penyelidik telah mengadakan persetujuan dengan sampel kajian yang digunakan iaitu pelajar-pelajar di pertubuhan tersebut. Mereka telah diberikan rawatan dalam Program Melestari Kecerdasan Interpersonal dan Intrapersonal. Aktiviti yang dijalankan adalah berasaskan penyelesaian masalah berdasarkan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Kemudian, data dikumpul

setelah tamat program. Bagi kajian secara kualitatif pula, seramai 10 orang pelajar telah ditemu bual oleh penyelidik mengenai profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Instrumen kajian adalah berdasarkan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal (Gardner, 1983). Seterusnya, penyelidik telah membuat penganalisan data dan menginterpretasi data yang diperoleh daripada sampel kajian. Prosedur dalam kajian ini terbahagi kepada dua fasa iaitu fasa 1 dan fasa 2.

### **3.8.2 Pelaksanaan Modul Berdasarkan Kecerdasan Interpersonal (Fasa 1):**

Prosedur kajian dalam pelaksanaan modul untuk fasa pertama ini ialah seperti berikut:

- 3.8.2.1** Berjumpa dengan pengetua di setiap rumah pertubuhan kebajikan anak-anak yatim di daerah Kangar terlebih dahulu untuk mengadakan temu janji.
- 3.8.2.2** Mengadakan perbincangan dengan pihak pertubuhan masing-masing untuk membuat penyelidikan di kedua-dua pertubuhan yang telah dipilih.
- 3.8.2.3** Mengedarkan pra ujian kecerdasan interpersonal kepada pelajar-pelajar di setiap rumah pertubuhan anak-anak yatim tersebut.
- 3.8.2.4** Memberikan masa kepada responden untuk menjawab soal selidik pra ujian kecerdasan interpersonal.
- 3.8.2.5** Mengutip dan mengira soal selidik yang dikembalikan kepada penyelidik.

- 3.8.2.6** Menetapkan masa, tarikh dan tempat yang sesuai untuk mengedarkan borang soal selidik pasca ujian kepada pelajar-pelajar di setiap pertubuhan tersebut.
- 3.8.2.7** Mengenal pasti bilangan pelajar yang diperlukan sebagai sampel penyelidikan.
- 3.8.2.8** Memilih masa yang sesuai untuk berjumpa dengan pelajar-pelajar dalam rumah pertubuhan yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur.
- 3.8.2.9** Kedua-dua pihak pertubuhan kebajikan rumah anak-anak yatim dan penyelidik telah mencapai kata sepakat untuk menjalankan penyelidikan di Akademi Kebangsaan Malaysia pada 16 hb November 2012 jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari.
- 3.8.2.10** Menerangkan kepada responden mengenai tujuan penyelidikan ini dijalankan.
- 3.8.2.11** Menerangkan cara menjawab soal selidik pasca ujian kecerdasan interpersonal kepada responden.
- 3.8.2.12** Memberikan masa kepada responden untuk menjawab soal selidik.
- 3.8.2.13** Mengutip dan mengira soal selidik yang telah dikembalikan kepada penyelidik.
- 3.8.3 Pelaksanaan Modul Berdasarkan Intrapersonal (Fasa 2):**
- 3.8.3.1** Berbincang dengan pengetua kedua-dua pertubuhan rumah anak-anak yatim tersebut.

- 3.8.3.2** Menetapkan masa, tarikh dan tempat yang sesuai untuk mengedarkan borang soal selidik pra ujian dan pasca ujian bagi ujian kecerdasan intrapersonal pula.
- 3.8.3.3** Mengenal pasti bilangan pelajar yang diperlukan sebagai sampel penyelidikan seperti yang telah dilakukan semasa menjawab pra ujian dan pasca ujian untuk kecerdasan interpersonal.
- 3.8.3.4** Pihak pertubuhan dan penyelidik telah bersetuju untuk menjalankan penyelidikan yang bertempat di kedua-dua rumah pertubuhan anak-anak yatim di daerah Kangar, Perlis.
- 3.8.3.5** Penyelidik telah mengedarkan pra ujian kecerdasan intrapersonal sebulan lebih awal sebelum mengedarkan soal selidik pasca ujian pada bulan Januari 2013.
- 3.8.3.6** Penyelidik menerangkan kepada responden mengenai tujuan penyelidikan ini dijalankan.
- 3.8.3.7** Penyelidik menerangkan cara menjawab soal selidik pra ujian kecerdasan interpersonal kepada responden.
- 3.8.3.8** Memberikan masa kepada responden untuk menjawab soal selidik.
- 3.8.3.9** Mengutip dan mengira soal selidik yang dikembalikan oleh responden.
- 3.8.3.10** Pada bulan Januari 2013, penyelidik menjalankan penyelidikan dan mengedarkan soal selidik pasca ujian kecerdasan intrapersonal.
- 3.8.3.11** Penyelidik memberi masa kepada responden untuk menjawab pasca ujian kecerdasan intrapersonal.
- 3.8.3.12** Penyelidik mengutip dan mengira soal selidik yang dikembalikan oleh responden.



### **3.9 Tatacara Penganalisan Data**

Data kajian ini meliputi data kuantitatif dan data kualitatif. Data kuantitatif kajian ini dianalisis menggunakan (i) statistik deskriptif dan (ii) statistik inferensi. Analisis secara deskriptif dan inferensi dilakukan dengan berbantuan perisian *Statistical Packages For The Social Sciences* (SPSS) versi 24.0. Penggunaan statistik deskriptif bertujuan untuk menghurai ciri-ciri variabel dan membolehkan untuk membuat kesimpulan dengan menggunakan data-data numerikal dengan menggunakan petunjuk seperti frekuensi, min, sisihan piawai dan peratusan. Sementara penggunaan statistik inferensi bertujuan menjawab hipotesis-hipotesis bagi variabel kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Ujian-t untuk pengukuran berulang (*Paired-Samples T Test*) digunakan apabila setiap individu dalam sampel diukur dua kali dan kedua-dua data pengukuran digunakan untuk dibuat perbandingan. Ujian-t pengukuran berulang digunakan apabila dua set data diperoleh daripada kumpulan subjek yang sama (1 sampel). Ini bermakna seorang individu (anak yatim) memperoleh dua skor untuk dua tahap yang berbeza dalam variabel bebas. Contohnya dalam kajian ini setiap anak yatim didedahkan dengan dua ujian iaitu ujian pra dan pasca. Keadaan ini bermakna subjek yang sama memberi dua data dalam dua keadaan yang berlainan. Kajian yang menggunakan kaedah kajian ujian pra dan pasca sesuai dianalisis dengan menggunakan ujian-t jenis pengukuran berulang (Chua, 2012).

### **3.10 Kebolehpercayaan Instrumen**

Nilai alfa Cronbach digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan dalam penyelidikan yang telah dijalankan ini. Kaedah konsistensi dalaman dilakukan dengan mencari

nilai bagi semua item ujian. Manakala Ary (1985) menyatakan bahawa kebolehpercayaan instrumen dapat ditentukan melalui ujian kebolehpercayaan di mana nilai alfa yang berhampiran dengan 0.8 atau lebih mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Chua (2006) pula berpendapat bahawa dalam statistik, kebolehpercayaan instrument kajian yang menggunakan pekali alfa Cronbach iaitu antara 0.65 (nilai alfa) hingga 0.95 (nilai alfa) dianggap memuaskan dan boleh dipercayai. Menurut Chua (2006) lagi, nilai alfa yang terlalu rendah akan menunjukkan keupayaan item-item instrumen adalah rendah manakala nilai alfa yang terlalu tinggi pula mungkin menunjukkan semua item adalah serupa atau bertindih antara satu sama lain yang sebenarnya tidak diperlukan dalam instrumen kajian. Kebolehpercayaan instrumen ujian pra dan ujian pasca yang diperoleh adalah 0.08 dan ia sangat tinggi.

### **3.11 Kesimpulan**

Secara amnya, metodologi penyelidikan dapat menjelaskan tentang cara data-data dikumpulkan dan dianalisiskan bagi menjawab soalan-soalan kajian yang dikemukakan. Secara kesimpulannya, bab ketiga ini membincangkan mengenai reka bentuk kajian, populasi, sampel kajian, instrumen kajian, tatacara pemerolehan data dan juga tatacara penganalisan data. Data yang diperoleh daripada instrumen yang digunakan dalam kajian ini akan memberi maklumat bagi menjawab soalan kajian dan seterusnya menguji hipotesis nul.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Bab ini membentangkan analisis data dan hasil kajian yang telah diperolehi. Kajian yang berbentuk kuantitatif dan kualitatif ini melibatkan satu kumpulan sampel yang terdiri daripada dua buah pertubuhan kebajikan anak-anak yatim di Perlis. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Pengkaji juga telah mengemukakan analisis terhadap data yang diperolehi daripada ujian pra dan pasca dan temu bual.

Pembentangan hasil kajian dalam bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu: bahagian pertama melaporkan hasil analisis demografi sampel kajian. Bahagian kedua pengkaji membincangkan hasil analisis data statistik inferens yang bertujuan untuk menguji hipotesis kajian yang telah dibentuk, selanjutnya bahagian ketiga adalah laporan analisis data kualitatif. Kaedah analisis yang digunakan bagi menguji hipotesis kajian ialah ujian-t. Pengujian hipotesis kajian adalah pada aras signifikan  $p < 0.05$ .

## 4.2 Analisis Deskriptif Maklumat Responden

Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden dari segi jantina. Responden terdiri 10 orang pelajar lelaki dan 36 orang pelajar perempuan.

**Jadual 1: Profil Jantina Responden**

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Lelaki</b>	10	21.7
<b>Perempuan</b>	36	78.3
<b>Total</b>	46	100

Manakala Jadual 2 menunjukkan seramai 19 orang pelajar (41.3%) adalah daripada pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Mak Teh dan 27 (58.75%) adalah daripada Asrama Yayasan Saad.

**Jadual 2: Profil Responden Berdasarkan Pertubuhan Anak-Anak Yatim**

Pertubuhan Anak-Anak Yatim	Kekerapan	Peratus (%)
Perubuhan Anak-Anak Yatim Mak Teh	19	41.3
Asrama Yayasan Saad	27	58.7
<b>Total</b>	46	100

Berdasarkan Jadual 3, melalui ujian pra profil kecerdasan interpersonal menunjukkan tiada pelajar lelaki yang memperoleh skor cemerlang dan terdapat 2 (4.3%) pelajar perempuan memperoleh skor cemerlang. Keseluruhan besar pelajar memperoleh peringkat sederhana iaitu 10.9% (n=5) pelajar lelaki dan 43.51% (n=20) adalah pelajar perempuan. Manakala sejumlah 6.5% (n=3) pelajar lelaki dan 19.6% (n=9) pelajar perempuan berada pada tahap lemah kecerdasan interpersonal melalui ujian pra. Perbandingan dengan ujian pasca pula mendapati terdapat peningkatan yang memberangsangkan apabila tiada pelajar yang memperoleh tahap lemah dalam profil

interpersonal. Malahan terdapat peningkatan pada tahap cemerlang apabila 17.4% (n=8) pelajar lelaki dan 52.2% (n=24) pelajar perempuan berjaya berada pada tahap ini melalui ujian pasca. Seramai 4.3% (n=2) pelajar lelaki dan 23.9% (n=11) pelajar perempuan berada pada tahap memuaskan. Selanjutnya hanya seorang pelajar perempuan (2.2%) yang masih berada di tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan selepas menerima rawatan profail interpersonal anak-anak yatim ini meningkat pada tahap cemerlang dan memuaskan.

**Jadual 3: Kecerdasan Interpersonal Anak-Anak Yatim Berdasarkan Jantina**

<b>Skor Ujian Pra Interpersonal</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	<b>Total</b>
Cemerlang	0 (0.0%)	2 (4.3%)	2 (4.3%)
Memuaskan	2 (4.3%)	5 (10.9%)	7 (15.2%)
Sederhana	5 (10.9%)	20 (43.51%)	25 (54.3%)
Lemah	3 (6.5%)	9 (19.6%)	12 (26.1%)
<b>Total</b>	<b>10</b> <b>(21.7%)</b>	<b>36</b> <b>(78.3%)</b>	<b>46</b> <b>(100%)</b>
<b>Skor Ujian Pasca Interpersonal</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	<b>Total</b>
Cemerlang	8 (17.4%)	24 (52.2%)	32 (69.6%)
Memuaskan	2 (4.3%)	11 (23.9%)	13 (28.3%)
Sederhana	0 (0.0%)	1 (2.2%)	1 (2.2%)
<b>Total</b>	<b>10</b> <b>(21.7%)</b>	<b>36</b> <b>(78.3%)</b>	<b>46</b> <b>(100%)</b>

Jadual 4 menunjukkan profail kecerdasan interpersonal berdasarkan Pertubuhan Anak-Anak Yatim. Terdapat dua buah pertubuhan yang terlibat yang selepas ini dikenali sebagai YS dan MT. Dapatan melalui ujian pra menunjukkan secara keseluruhan

anak-anak yatim YS dan MT memperoleh profil interpersonal pada tahap sederhana iaitu 26.1% (n=12) dan memuaskan iaitu 28.3% (n=13). Sebanyak 13.0% (n=6) anak-anak yatim daripada kedua-dua pertubuhan memperoleh profil lemah kecerdasan interpersonal dan hanya 4.3% (n=2) anak yatim daripada YS sahaja yang memperoleh profil cemerlang kecerdasan interpersonal. Perbandingan ujian pra dan pasca mendapati peratusan anak-anak yatim daripada YS meningkat pada profil memuaskan iaitu 6.5% (n=3) dan cemerlang 50.0% (n=23) pada profil cemerlang interpersonal. Mankala MT juga menunjukkan peningkatan apabila 21.7% (n=10) pada tahap memuaskan 19.6% (n=9) berada pada profil cemerlang interpersonal. Hanya seorang (2.2%) anak yatim daripada Pertubuhan YS yang memperoleh profil sederhana kecerdasan interpersonal.

**Jadual 4: Kecerdasan Interpersonal Berdasarkan Pertubuhan Anak-Anak Yatim**

<b>Skor Ujian Pra Interpersonal</b>	<b>YS</b>	<b>MT</b>	<b>Total</b>
Cemerlang	2 (4.3%)	0 (0.0%)	2 (4.3%)
Memuaskan	7 (15.2%)	0 (0.0%)	7 (15.2%)
Sederhana	12 (26.1%)	13 (28.3%)	25 (54.3%)
Lemah	6 (13.0%)	6 (13.0%)	12 (26.1%)
<b>Total</b>	<b>27</b> <b>(58.7%)</b>	<b>19</b> <b>(41.3%)</b>	<b>46</b> <b>(100%)</b>
<b>Skor Ujian Pasca Interpersonal</b>	<b>YS</b>	<b>MT</b>	<b>Total</b>
Cemerlang	23 (50.0%)	9 (19.6%)	32 (69.6%)
Memuaskan	3 (6.5%)	10 (21.7%)	13 (28.3%)
Sederhana	1 (2.2%)	0 (0.0%)	1 (2.2%)
<b>Total</b>	<b>27</b> <b>(58.7%)</b>	<b>19</b> <b>(41.3%)</b>	<b>46</b> <b>(100%)</b>

Jadual 5 menunjukkan profil kecerdasan intrapersonal anak-anak yatim berdasarkan jantina. Melalui ujian pra menunjukkan terdapat 6.5% (n=3) pelajar perempuan yang memperoleh cemerlang dan lemah. Keseluruhan pelajar perempuan 47.8% (n=22) mencapai profil sederhana kecerdasan intrapersonal. Manakala pelajar lelaki keseluruhannya berada pada profil sederhana dan lemah kecerdasan intrapersonal. Perbandingan dengan ujian pasca menunjukkan

**Jadual 5: Kecerdasan Intrapersonal Anak-Anak Yatim Berdasarkan Jantina**

<b>Skor Ujian Pra</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	<b>Total</b>
Cemerlang	0 (0.0%)	3 (6.5%)	3 (6.5%)
Memuaskan	7 (15.2%)	8 (17.4%)	15 (32.6%)
Sederhana	3 (6.5%)	22 (47.8%)	25 (54.3%)
Lemah	0 (0%)	3 (6.5%)	3 (6.5%)
<b>Total</b>	<b>10</b> <b>(21.7%)</b>	<b>36</b> <b>(78.3%)</b>	<b>46</b> <b>(100%)</b>
<b>Skor Ujian Pasca</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	<b>Total</b>
Cemerlang	8 (17.4%)	16 (34.8%)	24 (52.2%)
Memuaskan	2 (4.3%)	19 (41.3%)	21 (45.6%)
Sederhana	0 (0.0%)	1 (2.2%)	1 (2.2%)
<b>Total</b>	<b>10</b> <b>(21.7%)</b>	<b>36</b> <b>(78.3%)</b>	<b>46</b> <b>(100%)</b>

Berikut merupakan Jadual 6 yang menerangkan profil kecerdasan intrapersonal berdasarkan pertubuhan anak-anak yatim.

**Jadual 6: Kecerdasan Intrapersonal Berdasarkan Pertubuhan Anak-Anak Yatim**

<b>Skor Ujian Pra</b>	<b>YS</b>	<b>MT</b>	<b>Total</b>
Cemerlang	3 (6.5%)	0 (0.0%)	3 (6.5%)
Memuaskan	11 (23.9%)	4 (8.7%)	15 (32.6%)
Sederhana	13 (28.3%)	12 (26%)	25 (54.3%)
Lemah	0 (0%)	3 (6.5%)	3 (6.5%)
<b>Total</b>	<b>27</b> <b>(58.7%)</b>	<b>19</b> <b>(41.3%)</b>	<b>46</b> <b>(100%)</b>
<b>Skor Ujian Pasca</b>	<b>YS</b>	<b>MT</b>	<b>Total</b>
Cemerlang	17 (37%)	7 (15.2%)	24 (37.5%)
Memuaskan	10 (21.7%)	11 (23.9%)	21 (45.6%)
Sederhana	0 (0.0%)	1 (2.2%)	1 (2.2%)
<b>Total</b>	<b>10</b> <b>(58.7%)</b>	<b>36</b> <b>(41.3%)</b>	<b>46</b> <b>(100%)</b>

#### 4.3 Analisis Hipotesis Kajian

Persoalan kajian ketiga adalah “Adakah rawatan iaitu aktiviti berasaskan penyelesaian masalah berdasarkan kecerdasan interpersonal memberi kesan terhadap profil kecerdasan interpersonal anak-anak yatim? Bagi menjawab soalan kajian ini ujian-t dijalankan bagi membandingkan skor ujian pra dan pasca.



### 4.3.1 Keputusan Ujian-t Kecerdasan Interpersonal

**Jadual 5: Keputusan Ujian – t Kecerdasan Interpersonal**

#### Paired Samples Statistics

		Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pair 1	Skor Pra Interpersonal	5.3913	46	1.45263	.21418
	Skor Pasca Interpersonal	8.9783	46	1.20165	.17717

#### Paired Samples Test

		Paired Differences					t	df	Sig.(2-tailed)
		Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Difference				
					Lower	Upper			
Pair 1	Skor pra Interpersonal- Skor Pasca Interpersonal	-3.58696	1.45413	.21440	-4.01878	-3.15513	-16.730	45	.000

Keputusan kajian adalah signifikan ( $t=-16.730$ ,  $df = 45$ ,  $p<.05$ ). Hipotesis nul ditolak dan pengkaji membuat keputusan bahawa terdapat perbezaan skor kecerdasan interpersonal sebelum dan selepas rawatan diberikan. Nilai skor min yang lebih tinggi adalah apabila anak-anak yatim menjalani aktiviti penyelesaian masalah berdasarkan kecerdasan interpersonal (ditunjukkan dalam **Jadual 5 Paired Samples Statistics** di atas) menunjukkan bahawa kesan rawatan dapat meningkatkan skor kecerdasan interpersonal anak-anak yatim Perlis.

### 4.3.2 Keputusan Ujian-t Kecerdasan Intrapersonal

**Jadual 6: Keputusan Ujian – t Kecerdasan Intrapersonal Paired Samples Statistics**

		Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pair 2	Skor Pra Intrapersonal	6.3913	46	1.20145	.17714
	Skor Pasca Intrapersonal	8.4348	46	1.04673	.15433

#### Paired Samples Test

		Paired Differences					t	df	Sig. (2-tailed)
		Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Difference				
					Lower	Upper			
Pair 2	Skor pra Intrapersonal- Skor Pasca Intrapersonal	-2.04348	1.05318	.15528	-2.35623	-1.73072	-13.160	45	.000

Keputusan kajian adalah signifikan ( $t=-13.160$ ,  $df = 45$ ,  $p<.05$ ). Hipotesis nul ditolak dan pengkaji membuat keputusan bahawa terdapat perbezaan skor kecerdasan intrapersonal sebelum dan selepas rawatan diberikan. Nilai skor min yang lebih tinggi adalah apabila anak-anak yatim menjalani aktiviti penyelesaian masalah berdasarkan kecerdasan intrapersonal (ditunjukkan dalam **Jadual 6 Paired Samples Statistics** di atas) menunjukkan bahawa kesan rawatan dapat meningkatkan skor kecerdasan intrapersonal anak-anak yatim Perlis.

#### **4.4 Analisis Data Temu Bual**

Analisis data temu bual dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis data temu bual bagi aktiviti interpersonal dan intrapersonal. Dapatan yang diperoleh adalah seperti berikut:

##### **4.4.1 Analisis Data Temu Bual Aktiviti Interpersonal**

###### **1. Kerjasama**

Kesemua 10 pelajar yang ditemubual menyatakan bahawa aktiviti yang dijalankan berjaya meningkatkan kerjasama di antara ahli kumpulan. Di antara aktiviti yang berjaya meningkatkan kerjasama ialah;

- i. Aktiviti membina logo dan bendera untuk kumpulan (P1, P2, P4,P5, P6, P8 & P10)
- ii. Penjanaan idea semasa perbincangan dalam kumpulan (P7 & P3)
- iii. Penyelesaian masalah (P10)

Berikut adalah beberapa potongan hasil temu bual daripada beberapa peserta:

*“Ya, saya membantu ahli kumpulan saya ketika membuat bendera” (P4)*

*“Aktiviti ini banyak yang dapat memberi idea yang banyak” (P7)*

*“Ya, kami membuat aktiviti tersebut dengan meminta pandangan yang kreatif, contohnya aktiviti teknik belajar yang memerlukan pendapat untuk menyelesaikan masalah” (P10)*

###### **2. Perasaan**

9 daripada 10 pelajar yang ditemubual menyatakan bahawa aktiviti yang dijalankan adalah seronok dan mengembirakan kerana beberapa faktor. Diantara faktor-faktor tersebut ialah;

- i. Berjaya memperoleh sahabat-sahabat baru (P4, P5 & P10)
- ii. Merapatkan hubungan sesama ahli dalam kumpulan (P9)
- iii. Dapat meningkatkan ilmu menerusi perkongsian ilmu (P7)
- iv. Menjadi lebih yakin (P8)
- v. Dapat meningkatkan kemahiran komunikasi (P8)

Berikut adalah beberapa potongan hasil temu bual daripada beberapa peserta:

*“Saya berasa lebih berkeyakinan selepas melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Ia juga telah dapat meningkatkan keupayaan komunikasi saya” (P8)*

*“Saya berasa sangat gembira di dalam aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan kerana saya dapat kawan baru dan lebih rapat dengan semua kenalan-kenalan baru di dalam kumpulan saya” (P9)*

*“Saya berasa gembira kerana mendapat kawan baru dan kakak-kakak dan abang-abang” (P5)*

*“kami berasa gembira kerana dapat bergaul dengan rakan-rakan dalam kumpulan dalam aktiviti yang menyeronokkan” (P10)*

*“Saya berasa gembira kerana dapat ramai kawan baru” (P4)*

### **3. Penglibatan dimasa hadapan**

Kesemua 10 pelajar yang ditemubual menyatakan bahawa mereka sedia melibatkan diri dalam program yang akan diadakan lagi kelak. Komitmen yang ditunjukkan itu

adalah kerana, para pelajar ini mendapati bahawa aktiviti-aktiviti yang dianjurkan memberi impak yang positif. Diantaranya ialah;

- i. Dapat meningkatkan pencapaian akademik (P1, P4, P5, P7 & P9)
- ii. Dapat menambah sahabat baru (P1)
- iii. Meningkatkan kemahiran berfikir (P6)
- iv. Menjadi insan yang lebih baik dan matang (P10)
- v. Meningkatkan kemahiran diri serta ilmu pengetahuan (P3 & P9)

Berikut adalah beberapa potongan hasil temu bual daripada beberapa peserta:

*“saya amat berminat untuk mengikuti program sebegini di masa depan” (P9)*

*“saya amat berminat untuk mengikuti program sebegini kerana dapat membina minda cemerlang generasi terbilang” (P10)*

*“ya, kerana saya boleh dapat kawan baru” (P1)*

*“saya dapat ramai kawan baru” (P7)*

*“saya seronok dan gembira dapat mengenali ramai kawan baru” (P4)*

*“saya berminat kerana dapat mengetahui kemahiran berfikir dan aktiviti yang menyeronokkan” (P6)*

#### **4. Kepentingan bekerjasama dan bertolak ansur**

Kesemua 10 pelajar yang ditemubual menyatakan kepentingan bekerjasama dan bertolak ansur. Diantara sebab-sebab tersebut ialah;

- i. Untuk menjadi kumpulan yang terbaik dalam program tersebut (P1)
- ii. Menghasilkan keputusan terbaik bagi penyelesaian masalah (P2 & P9)

- iii. Dapat menyelesaikan masalah ataupun isu hasil daripada perbincangan (P6)
- iv. Meningkatkan kemahiran analitikal dan praktikal (P8)
- v. Dapat berkongsi idea dan pengalaman bersama kawan-kawan (P10)

Berikut adalah beberapa potongan hasil temu bual daripada beberapa peserta:

*“Saya berasa sangat seronok kerana saya mampu melatih diri untuk berfikiran secara kritis dan analitikal” (P8)*

*“Saya telah berkongsi idea semasa aktiviti untuk membantu ahli kumpulan saya menyelesaikan masalah” (P6)*

*“bekerja dalam kumpulan boleh menjadi kumpulan yang terunggul” (P1)*

*“bekerja dalam kumpulan dapat mengumpulkan idea dan memberi pilihan kami untuk mengambil keputusan terbaik” (P10)*

#### **4.4.2 Analisis Data Temu Bual Aktiviti Intrapersonal**

Pelajar-pelajar yang ditemu bual menyatakan aktiviti Intrapersonal yang dilaksanakan amat berkesan dalam membentuk jati diri mereka. Mereka mula belajar mengenali diri sendiri dan cuba mengubah diri dengan cara memperbaiki kelemahan dan menginsafi diri. Aktiviti intrapersonal ini juga dapat meningkat keyakinan diri di mana mereka lebih yakin dan percaya kepada diri sendiri serta mempunyai semangat dan motivasi yang tinggi untuk lebih berjaya. Selain dari ilmu-ilmu baru tentang intrapersonal yang dipelajari, mereka juga mempelajari cara untuk lebih berdikari dalam kehidupan mereka. Berikut di senaraikan maklumat hasil temubual dengan pelajar-pelajar:

## **Mengenali diri**

Mereka menyatakan aktiviti intrapersonal dapat membantu mereka mengenali diri sendiri secara mendalam dengan mengenalpasti kelebihan dan kekurangan diri dan seterusnya meningkatkan keupayaan diri mereka.

*Saya boleh refleksi balik apa yang terdapat dalam diri samada dari segi kelebihan atau kekurangan diri (P4)*

*Saya lebih mengenali diri saya dan perkara ini dapat membina diri saya menjadi seorang yang lebih berkeyakinan (P6)*

*Saya dapat mengenal diri kita dengan lebih dalam dan dapat tahu apa kelemahan dan kekuatan diri kita (P7)*

*Dapat mengenali diri sendiri secara mendalam dan meningkatkan keupayaan diri ke tahap yang maksimum (P10)*

*Dapat mengenali diri saya sendiri (P11)*

*Saya dapat mengenali diri sendiri dengan lebih mendalam saya dapat mengetahui apa yang harus dilakukan (P6)*

*Manfaat yang saya peroleh daripada aktiviti ini ialah saya menyedari bahawa kepentingan kecerdasan intrapersonal ialah satu cara untuk mengenali diri sendiri (P4)*

## **Mengubah diri dan membaiki kelemahan diri**

Mereka juga menginsafi diri dan cuba untuk memperbaiki kelemahan yang ada. Ini dapat membantu mereka mencapai keyakinan diri yang tinggi:

*Ya saya memang menyukai program berkaitan intrapersonal kerana ia dapat membimbing saya daripada menjadi lemah kepada menjadi kuat serta meyakinkan diri sendiri. Ia memberi sepenuh kesedaran kepada saya untuk menjadi lebih baik (5)*

*saya menyukai program berkaitan intrapersonal sebab dapat mengubah diri meningkat keyakinan diri...”(1)*

*Ya saya boleh mengubah dan menginsafi diri saya (13)*

*“ saya dapat tahu tentang kemampuan diri dan mengajar supaya berubah menjadi lebih baik daripada sekarang” (2)*

*Kebaikan aialah saya boleh mengubah kelemahan diri saya (13)*

*Ia membuatkan saya sedar dari kelemahan saya (9)*

### **Meningkat keyakinan diri**

Mereka menerangkan bahawa aktiviti yang dijalankan dapat meningkatkan keyakinan diri dan menjadi individu yang lebih berjaya.

*Saya sangat menyukai program ini kerana program ini bukan sekadar motivasi yang biasa tetapi sebuah program yang mengajar seseorang itu yakin pada diri sendiri dan memperbaiki kelemahan yang ada (P3)*

*Ia melatih saya bersifat berkeyakinan yang tinggi serta dapat membimbing saya menjadi seorang yang berjaya. Ia dapat membntu saya mengenali siapa diri saya sebenar (P5)*

*Untuk menonjolkan keupayaan diri ke tahap yang maksimum (P10)*

### **Memberi Semangat dan Motivasi**

Aktiviti ini juga mampu memberi semangat dan motivasi kepada pelajar-pelajar ini supaya lebih berjaya.

*“Saya menyukai program seperti ini kerana ianya dapat memberi semangat supaya saya dapat belajar dengan bersungguh-sungguh. Selain itu saya dapat mengetahui apa itu intrapersonal dengan lebih mendalam dan mengetahui kemampuan diri” (P2)*

*Saya suka kerana ianya dapat meningkatkan kepercayaan terhadap diri sendiri dan dapat memotivasi saya (P8)*

Selain dari itu, pelajar-pelajar menyatakan bahawa mereka dapat mempelajari ilmu tentang intrapersonal dan mereka juga lebih berani bersuara atau memberi pendapat di



khalayak ramai. Disamping itu, mereka juga menyatakan bahawa aktiviti yang dijalankan dapat mengajar mereka untuk berdikari.

### **Ilmu-ilmu**

*ia memberi ilmu-ilmu yang penting serta ilmu yang saya tidak ada selama ini (P5)*

*Kebaikan dan manfaat yang saya dapat daripada aktiviti kecerdasan intrapersonal ialah ia memberi ilmu-ilmu yang penting bagi saya. (P5)*

### **Berani Bersuara**

*Mengajar saya untuk menjadi seorang yang lebih yakin dan berani untuk mengutarakan suara di khalayak ramai*

*Kebaikan yang saya peroleh ialah saya membina keyakinan diri saya untuk berhadapan umum dan belajar untuk berdikari (P3)*

### **Berdikari**

*Ia membolehkan saya untuk berdikari (P9)*

## **4.5 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan, kajian ini telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan selepas rawatan diberikan. Ujian pra mendapati keseluruhannya pelajar memperoleh peringkat sederhana dan lemah dalam kedua-dua kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Tetapi, peningkatan pada tahap cemerlang dapat dilihat apabila mereka berjaya berada pada tahap ini melalui ujian pasca. Dapatan ini menunjukkan selepas menerima rawatan, profil interpersonal anak-anak yatim ini meningkat pada tahap cemerlang dan memuaskan. Keputusan kajian adalah signifikan

( $t=-16.730$ ,  $df = 45$ ,  $p<.05$ ). Hipotesis nul ditolak dan pengkaji membuat keputusan bahawa terdapat perbezaan skor kecerdasan interpersonal sebelum dan selepas rawatan diberikan. Ini menunjukkan bahawa kesan rawatan dapat meningkatkan skor kecerdasan interpersonal anak-anak yatim Perlis. Bagi kecerdasan intrapersonal, keputusan kajian juga adalah signifikan ( $t=-13.160$ ,  $df = 45$ ,  $p<.05$ ). Hipotesis nul ditolak dan pengkaji membuat keputusan bahawa terdapat perbezaan skor kecerdasan intrapersonal sebelum dan selepas rawatan diberikan. Ini juga menunjukkan bahawa kesan rawatan dapat meningkatkan skor kecerdasan intrapersonal anak-anak yatim Perlis.

Hasil dari temubual dengan pelajar-pelajar mendapati bahawa kesemua 10 pelajar yang ditemubual menyatakan bahawa aktiviti interpersonal yang dijalankan berjaya meningkatkan kerjasama di antara ahli kumpulan. Mereka melahirkan rasa seronok semasa kerja berkumpulan dan mereka telah berjaya menunjukkan komitmen yang tinggi. Berhubung dengan aktiviti intrapersonal pula, mereka menyatakan bahawa mereka dapat mengenal pasti kelebihan dan kekurangan diri dan seterusnya meningkatkan keupayaan serta keyakinan diri untuk menjadi individu yang lebih berjaya. Mereka juga sedar tentang keperluan untuk mengubah diri dan memperbaiki kelemahan diri. Di samping itu, mereka juga tertarik dengan ilmu-ilmu baru yang dipelajari yang membuatkan mereka lebih berani bersuara dan menjadi lebih berdikari dalam menghadapi kehidupan seharian.

## BAB 5

### PERBINCANGAN HASIL PENYELIDIKAN

#### 5.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang dihuraikan dalam Bab 4, rumusan dapatan kajian, perbincangan, implikasi kajian dan cadangan kajian-kajian lanjutan. Kajian ini menggunakan dua jenis pendekatan iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini menggunakan reka bentuk *one shot case study* iaitu satu kumpulan menerima rawatan atau intervensi (Creswell, 2005). Seramai 46 anak-anak yatim terlibat sebagai sampel kajian ini. Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk menguji keberkesanan aktiviti yang berasaskan dua aspek kecerdasan iaitu kecerdasan interpersonal dan intrapersonal.

#### 5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Daripada analisis kajian yang diperoleh dapat dirumuskan bahawa (i) profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal meningkat pada profil cemerlang dan tiada pelajar yang berada pada profil lemah selepas menerima rawatan menerusi aktiviti kecerdasan interpersonal dan intrapersonal, (ii) terdapat perbezaan yang signifikan antara profil sebelum dan selepas rawatan bagi kedua-dua kecerdasan, (iii) merangsang kemahiran berfikir anak-anak yatim apabila semua aktiviti dibina berasaskan penyelesaian masalah, (iv) persepektif anak-anak yatim mula berubah apabila mereka mendapati daripada aktiviti kecerdasan interpersonal dan intrapersonal membolehkan mereka sentiasa bekerjasama dalam kumpulan bagi menyelesaikan aktiviti yang diberi. Hasil kajian mencadangkan bahawa pelaksanaan aktiviti yang mengambil kira

kecerdasan interpersonal dan intrapersonal memberi kesan yang lebih baik dan signifikan ke atas ujian pasca.

### **5.3 Perbincangan**

Perbincangan dapatan kajian diolah mengikut persoalan-persoalan kajian yang telah diutarakan. Perbincangan dimulakan dengan penemuan perbezaan profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal sebelum dan selepas rawatan. Ini diikuti oleh hasil temu bual anak-anak yatim berkaitan kesan aktiviti yang dilalui berdasarkan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal.

#### **5.3.1 Perbezaan Profil Kecerdasan Interpersonal dan Intrapersonal Sebelum Dan Selepas Rawatan**

Hasil analisis data secara deskriptif memperlihatkan ujian pra profil kepelbagaian kecerdasan interpersonal dan intrapersonal secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana dan lemah. Sementara itu, ujian pasca memperlihatkan sampel kumpulan ini memperoleh profil cemerlang bagi profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Kedua-dua jantina iaitu lelaki dan perempuan menunjukkan peningkatan profil pada tahap cemerlang dan memuaskan dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Melalui dapatan kajian ini dapatlah disimpulkan bahawa kecerdasan interpersonal dan intrapersonal anak-anak yatim boleh dipertingkatkan melalui aktiviti berasaskan penyelesaian masalah berdasarkan kedua-dua kecerdasan tersebut. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan (Che Zaini, 2000; Gardner & Hatch, 1990; Nurulwahida, 2005; Tee, 2003; Zaidatun, 2002) mendapati pelajar mempunyai

kecerdasan interpersonal dan intrapersonal pada tahap yang berbeza. Ong Chiek Pin (2001) juga memperoleh dapatan kajian sama iaitu pelajar tingkatan dua di daerah Batu Pahat mempunyai kecerdasan interpersonal dan intrapersonal pada tahap berbeza. Manakala kajian Nurulwahida (2005) melaporkan pelajar-pelajar MRSM mempunyai kecerdasan intrapersonal pada tahap cemerlang.

### **5.3.2 Kesan aktiviti berasaskan penyelesaian masalah berdasarkan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal terhadap profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa rawatan yang diberikan kepada anak-anak yatim di negeri Perlis berjaya meningkatkan tahap profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Keadaan ini jelas ditunjukkan melalui ujian-t yang memaparkan perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan pasca menerusi kedua-dua kecerdasan. Menurut Campbell et al., (2004), kecerdasan interpersonal dan intrapersonal merupakan alat dalam pembelajaran, penyelesaian masalah dan dicipta untuk kegunaan semua peringkat umur. Wagmeister dan Shifrin (2000) bersetuju bahawa pengaplikasian kecerdasan interpersonal dan intrapersonal dalam aktiviti pembelajaran boleh menarik minat pelajar untuk menyelami isi pelajaran dan berinteraksi dengan orang lain. Menurut Johnson (2007), menerusi kecerdasan interpersonal dan intrapersonal dapat membantu guru merancang aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dapat mencungkil kebolehan pelajar untuk berinteraksi, berkomunikasi, bergaul dengan orang lain disamping memahami keperluan dan cita-cita diri sendiri. Kajian Gardner melalui kajian *project zero* melaporkan bahawa kepelbagaian kecerdasan

yang yang mengandungi komponen kecerdasan interpersonal dan intrapersonal membawa perubahan dalam kurikulum, penilaian dan pedagogi (Kornhaber, Ferros, & Veenema, 2004). Manakala kajian literatur oleh Johnson (2007), mendapati kepelbagaian kecerdasan dalam aktiviti P&P memberi kesan peningkatan dalam tiga aspek iaitu pencapaian pelajar, kepelbagaian kecerdasan dalam subjek sains, struktur kurikulum dan pedagogi dalam pengajaran.

Menurut Michael (1985), kecerdasan memainkan peranan utama dalam bidang psikologi dan pendidikan, malah ia diuji semenjak 85 tahun yang lalu. Hatch dan Gardner (1997) mendefinisikan kecerdasan sebagai kemampuan individu untuk menyelesaikan masalah dalam keadaan tertentu. Menurut Gardner (1983) terdapat lapan jenis kepelbagaian kecerdasan yang terdiri daripada verbal linguistik, logik matematik, ruang visual, kinestatik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis. Setiap individu mempunyai kesemua kecerdasan tetapi bukan semua kecerdasan itu berkembang dengan seimbang dan lazimnya setiap individu mempunyai sekurang-kurangnya satu kecerdasan yang lebih menonjol berbanding dengan lain-lain kecerdasan (Armstrong, 2000; Brualdi, 1998; Campbell, Campbell, & Dickinson, 2004 ;Gardner, 1983; Salbiah, 2001). Hal ini kerana, setiap manusia mempunyai kecerdasan yang unik bagi diri masing-masing (Brualdi, 1998).

Program pembelajaran yang mengambil kira kepelbagaian kecerdasan bukan hanya mempengaruhi prestasi pelajar, ianya juga turut mempengaruhi sikap, modaliti dan kelakuan pelajar. Kajian oleh Bruce Campbell (1990), membuktikan perkara ini apabila beliau melaksanakan suatu program pembelajaran yang melibatkan teori

kepelbagaian kecerdasan di dalam kelas. Dapatan kajian menunjukkan berlaku peningkatan kemahiran modaliti yang pelbagai, sikap dan kelakuan.

Pada tahun 1989 hingga 1990, Bruce Campbell (1990) menjalankan kajian tindakan berkaitan kesan kecerdasan pelbagai ke atas tingkah laku, sikap dan kebolehan pelajar untuk bekerjasama. Dapatan kajian dilaporkan seperti berikut:

- ix. Kemahiran koperatif pelajar meningkat.
- x. Lebih ramai pelajar yang mempunyai kecerdasan kinestetik mendapat faedah menerusi aktiviti yang aktif melibatkan pergerakan mereka dari satu pusat pembelajaran ke pusat pembelajaran selanjutnya.
- xi. Pelajar kelihatan lebih berdikari, bertanggungjawab dan mempunyai kawalan diri ke atas perkara yang dipelajari.
- xii. Pelajar yang sebelum ini menghadapi masalah disiplin didapati berubah dan tidak lagi memaparkan tingkah laku negatif.
- xiii. Pelajar lebih mahir memimpin.
- xiv. Mampu menjalankan aktiviti dengan menggunakan tiga hingga lima jenis kepelbagaian kecerdasan.
- xv. Guru lebih memberi bimbingan dan panduan daripada mengarah. Guru menjadi sumber maklumat dan lebih pelbagai dalam membimbing.
- xvi. Pelajar lebih progresif dalam menyesuaikan diri dengan suasana pembelajaran yang sepadan dengan kepelbagaian kecerdasan mereka.
- xvii. Pelajar lebih mudah mengingati maklumat dalam bentuk muzik.
- xviii. Ibu bapa mendapati tingkah laku anak berubah ke arah sikap positif terhadap sekolah dan kehadiran ke sekolah meningkat.

Chan (2005) menjalankan kajian terhadap 604 pelajar Cina (sekolah rendah dan menengah) pintar cerdas di Hong Kong. Dapatan mendapati responden menunjukkan

kekuatan dalam kecerdasan interpersonal, intrapersonal, dan verbal-linguistik. Manakala lemah dalam kecerdasan kinestetik, dan naturalis. Secara amnya kecerdasan interpersonal menunjukkan hubungan yang signifikan dengan aktiviti pembelajaran. Pelajar yang mendapat rating markah tertinggi dalam gaya pembelajaran cenderung memiliki kecerdasan interpersonal dan verbal-linguistik.

Owalabi dan Okebukola (2009), mengkaji kesan kemahiran pedagogi (*study group* dan kepelbagaian kecerdasan) ke atas efikasi pelajar dalam kemahiran membaca. Dapatan kajian menunjukkan kaedah mengajar kepelbagaian kecerdasan memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan potensi dan bakat serta menyediakan teknik pengajaran yang bervariasi kepada guru.

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada kajian-kajian terdahulu ialah teori kepelbagaian kecerdasan yang mengandungi aspek kecerdasan interpersonal dan intrapersonal mampu membantu guru dalam menyediakan kerangka pengajaran yang berkesan (Campbell, 1997). Oleh yang demikian, Shore (2004) mencadangkan agar guru menggunakan kepelbagaian kecerdasan supaya dapat menyediakan pengalaman pembelajaran yang relevan kepada pelajar yang berbeza. Gardner (2004), berharap kepelbagaian kecerdasan dapat diterima oleh semua golongan pendidik dan dijadikan sebagai satu falsafah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

### **5.3.3 Perspektif Pelajar Terhadap Aktiviti Kecerdasan Interpersonal dan Intrapersonal**

Dapatan kajian berkaitan aktiviti interpersonal dihuraikan seperti berikut:

#### **5.3.3.1 Hidup Bekerjasama dan Saling Membantu**



Berdasarkan dapatan temu bual diatas, dapat dibincangkan beberapa isu yang di sering ditemui iaitu dari segi kerjasama, terdapat kesepakatan daripada para pelajar akan kepentingan kerjasama sesama ahli kumpulan dalam proses penyelesaian masalah atau melaksanakan sesuatu aktiviti yang diarahkan. Ini membuktikan bahawa, melalui aktiviti-aktiviti tertentu yang dapat mencipta suasana kerjasama, ia mampu membentuk satu sifat baru bagi para pelajar akan kepentingan untuk hidup bekerjasama dan saling bantu membantu di antara satu sama lain. Berdasarkan kepada dapatan Amirah (2009), perasaan malu dan rendah diri dikalangan anak-anak yatim amat ketara terutama apabila berada dihadapan khalayak ramai, melalui aktiviti yang dijalankan ini, disamping bekerjasama mereka juga dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan menemui kawan-kawan baru. Secara tidak langsung, sifat-sifat rendah diri ini dapat dikurangkan dan dapat meningkatkan sifat keyakinan.

#### **5.3.2.2 Kemahiran Berfikir Secara Analitikal dan Praktikal**

Dapatan kajian hasil temu bual juga mendapati kesemua pelajar terbabit bersetuju bahawa dengan mengadakan aktiviti kerjasama dan perbincangan dalam kumpulan akan dapat menjadikan kumpulan mereka dipilih sebagai pemenang bagi dalam program tersebut, disamping menghasilkan keputusan terbaik bagi penyelesaian masalah, meningkatkan kemahiran berfikir analitikal dan praktikal dan dalam masa yang sama dapat berkongsi idea dan pengalaman bersama kawan-kawan. Dapatan ini adalah seiring dengan kajian yang dilakukan oleh Jamaludin, Azizi, Noordin dan Siti Zainab (2011) mendapati bahawa anak-anak yatim mempunyai tahap kemurungan yang tinggi akibat sikap yang ditunjukkan oleh mereka sendiri serta didapati anak-

anak yatim sukar untuk membuat keputusan, berasa diri gagal, berasa diri dianiaya, berasa sedih, dan juga sukar untuk membuat sebarang keputusan. Dengan adanya aktiviti-aktiviti yang dapat menjana kemahiran berfikir merangsang pelajar mengeluarkan idea-idea yang bernas baik serta penerimaan positif dari rakan-rakan diharapkan akan mampu meningkatkan kemampuan mereka untuk mengatasi rasa malu, rendah diri dan tidak yakin akan kemampuan diri sendiri. Contohnya respon oleh pelajar (P6) yang menyatakan kegembiraannya dapat mengikuti program yang dijalankan kerana dapat bertemu kawan-kawan baru dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan kemahiran berfikir. Seperti yang yang dijelaskan oleh McKenzie, (2009) seseorang yang mempunyai kecerdikan pemikiran akan mampu memahami pemikiran dan perasaan mereka dan seterusnya memotivasikan diri mereka. Mereka juga mampu memberikan motivasi sendiri terhadap orang-orang lain disekeliling mereka. Jika kita melihat pada konteks anak-anak yatim, didapati bahawa perasaan rendah diri yang menebal boleh dikurangkan dengan memberi mereka kemahiran berfikir, yang mana akan memotivasikan diri mereka untuk berusaha dan berjaya seperti golongan lain. Mereka juga dapat mempengaruhi rakan-rakan lain yang rapat justeru mampu mengubah persepsi diri anak-anak yatim ini terhadap kemampuan dan kebolehan diri sendiri.

#### **5.4 Implikasi Kajian**

Penemuan kajian mendapati bahawa perlaksanaan aktiviti yang menekankan aspek kecerdasan interpersonal dan intrapersonal secara signifikan memberi kesan terhadap peningkatan profil dua kecerdasan tersebut yang dikaji. Penemuan kajian ini menyokong kebanyakan bukti penyelidikan tentang kaedah pembelajaran yang

mengaplikasikan kepelbagaian kecerdasan (Brecher, Gray, Price & Sayles, 1998; Buschick, Shipton, Winner & Wise, 2007; Campbell, 1990; Campbell, 1997; Chan, 2005; Ellison, 1993; Gardner & Hatch, 1990; Greenhawk, 1997; Hatch & Gardner, 1997; Kallenbach & Viens, 2001; Maker, Nielson & Rogers, 1997; Pamela, 2001) yang secara signifikan memberi kesan yang memberangsangkan terhadap proses P&P dan pencapaian pelajar.

Sementara itu, penemuan kajian mendapati respons baik dari anak-anak yatim terhadap aktiviti yang menekankan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Hasil rumusan yang ditulis oleh guru-guru kumpulan rawatan yang melaksanakan aktiviti pengayaan menerusi kajian Nurulwahida (2011) menggambarkan bahawa keseluruhan pelajar seronok melaksanakan aktiviti berdasarkan komponen kepelbagaian kecerdasan. Hal ini disebabkan oleh pembinaan aktiviti menjadi lebih bersistematik, terancang dan lebih cekap dengan berpandukan ciri-ciri kecerdasan interpersonal dan intrapersonal.

Teori kepelbagaian kecerdasan merupakan satu teori yang penting kerana teori ini mempunyai hubungkait yang rapat dengan bidang pendidikan. Penemuan dapatan kajian peningkatan profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal membuktikan bahawa kedua-dua aspek ini boleh dipertingkatkan melalui aktiviti dalam kalangan anak-anak yatim. Penerapan kedua-dua elemen ini menjadikan aktiviti suatu pengalaman yang bermakna dan berkesan kerana ia menggambarkan proses pendidikan yang menekankan proses berinteraksi, bekerjasama dan mengetahui hala

tuju diri sendiri. Selanjutnya implikasi terbesar kajian ini adalah meningkatkan profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal serta menyedarkan anak-anak yatim bahawa kecerdasan boleh ditingkatkan dan setiap individu mempunyai potensi untuk meningkatkan kecerdasan masing-masing pada tahap cemerlang. Aktiviti kecerdasan interpersonal menyediakan suasana kolaboratif melalui kaedah aktiviti secara berpasangan dan berkumpul, Dapatan kajian ini selanjutnya memberi inspirasi kepada semua tenaga pengajar dan penjaga di Pertubuhan Anak-Anak Yatim bahawa aplikasi kecerdasan interpersonal dan intrapersonal boleh memberi kesan positif terhadap perkembangan diri anak-anak tersebut. Keseluruhannya, dapatan kajian ini memberikan beberapa implikasi positif ke atas semua golongan yang terlibat dalam proses pendidikan dan perkembangan anak-anak yatim. Golongan tersebut merangkumi anak-anak yatim, guru, para pentadbir dan pengurus Pertubuhan Anak-Anak Yatim. Berikut merupakan huraian implikasi ke atas golongan-golongan terbabit secara terperinci.

#### **5.4.1 Implikasi Kepada Anak-Anak Yatim**

Anak-anak yatim adalah kumpulan sasaran dalam membantu pertumbuhan dan perkembangan diri mereka. Oleh itu, salah satu implikasi utama yang diberikan oleh penemuan kajian ini adalah kepada anak-anak yatim kerana mereka dapat mengetahui tentang profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal yang dimiliki mereka. Dengan mengetahui profil dua jenis kecerdasan ini dapat menyakinkan diri mereka bahawa setiap individu mempunyai kecerdasan interpersonal dan intrapersonal yang

boleh digunakan dalam proses menyelesaikan masalah akademik dan masalah yang wujud dalam kehidupan seharian mereka.

#### **5.4.2 Implikasi Kepada Guru**

Guru adalah penggerak dan merupakan golongan pelaksana bagi membantu membangunkan perkembangan diri anak-anak yatim. Oleh itu, implikasi utama yang dapat diberikan oleh penemuan kajian ini ialah sumber inspirasi dan idea kepada guru untuk menghasilkan lebih banyak aktiviti pembelajaran yang bukan hanya memfokuskan kepada kecerdasan interpersonal dan intrapersonal malah lain-lain kecerdasan yang dimiliki anak-anak yatim. Selain itu, penemuan kajian memberi maklumat kepada guru bahawa pendekatan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal sebagai medium pembelajaran yang berkesan dalam membina kemahiran berkomunikasi dan bekerjasama antara anak-anak yatim. Penemuan kajian ini membantu guru memahami perbezaan setiap pelajar selanjutnya mencetuskan idea bagi merancang strategi program berdasarkan dua jenis kecerdasan ini. Menurut Maker (1982) terdapat ramai guru yang lupa memberi tumpuan sewajarnya ke atas perkembangan idea-idea akademik dan pengajaran konsep-konsep penting yang diperlukan bagi pembelajaran dan kreativiti pelajar.

#### **5.4.3 Implikasi Kepada Pentadbir Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim**

Penemuan kajian ini juga memberikan implikasi positif terhadap golongan pentadbir pertubuhan kebajikan anak-anak yatim. Salah satu implikasi penemuan kajian ini ialah

dapat menyakinkan golongan tersebut bahawa dua jenis daripada sembilan kecerdasan yang diutarakan oleh Gardner (1983) wujud dalam kalangan anak-anak yatim. Penemuan kajian mengenai kekuatan kecerdasan setiap anak-anak yatim menyumbang maklumat kepada pentadbir pertubuhan kebajikan anak-anak yatim bahawa setiap anak-anak yatim boleh meningkatkan profil kecerdasan interpersonal dan intrapersonal pada tahap cemerlang kerana setiap individu adalah unik.

Penemuan kajian secara signifikan membuktikan bahawa aktiviti berasaskan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal memberi kesan positif terhadap peningkatan profil kecerdasan tersebut. Selain pengaplikasian dua aspek ini dapat melayani perbezaan individu, ia juga merangsang minat, memupuk sikap positif dan memotivasikan pelajar.

### **5.5 Cadangan Kajian-Kajian Lanjutan**

1. Kajian ini hanya memfokuskan kepada dua jenis kecerdasan sebagai medium pembelajaran maka bagi kajian pada masa hadapan adalah dicadangkan untuk menjadikan kesemua jenis kecerdasan sebagai medium untuk meningkatkan lain-lain kecerdasan anak-anak yatim.
2. Dicadangkan agar kajian-kajian selanjutnya memfokuskan kepada anak-anak yatim di lain-lain negeri yang terdapat di Malaysia. Malah ia juga seharusnya dilaksanakan dalam setiap rangka aktiviti yang disusun oleh pihak pentadbir pertubuhan anak-anak yatim. Tujuannya adalah bagi melihat bagi meningkatkan lain-lain kecerdasan dan menyediakan suasana pembelajaran yang berlainan. Selanjutnya perbandingan keputusan boleh menghasilkan

suatu kefahaman yang lebih menyeluruh terhadap sumbangan kedua-dua kecerdasan dalam membina perkembangan, keyakinan dan jati diri anak-anak di asrama anak-anak yatim.

3. Bagi kajian pada masa hadapan perlu memperluaskan bilangan sampel, terutama bilangan sampel dan bagi menghasilkan dapatan yang lebih menyakinkan pada masa hadapan perlu diadakan perbandingan antara kumpulan rawatan dan kawalan.
4. Malahan, guru-guru dan pentadbir pertubuhan kebajikan anak-anak yatim juga seharusnya adalah menjadi kumpulan penting yang harus mengetahui kekuatan kecenderungan kepelbagaian kecerdasan yang dimiliki anak-anak di asrama mereka. Pengetahuan guru dan pentadbir berkaitan aspek kecerdasan ini akan memberi lebih peluang kepada guru dan pentadbir untuk menghargai dan menggunakan kelebihan yang ada pada diri anak-anak tersebut.

## **5.6 Kesimpulan**

Berdasarkan penemuan kajian, berikut merupakan kesimpulan yang boleh dibuat.

1. Secara keseluruhannya pelaksanaan aktiviti berasaskan penyelesaian masalah berdasarkan aspek kecerdasan interpersonal dan intrapersonal lebih efektif ke atas profil kedua-dua jenis kecerdasan tersebut. Hal ini disebabkan pelaksanaan aktiviti berdasarkan kecerdasan tersebut menyediakan peluang kepada pelajar untuk melalui aktiviti pembelajaran yang mengandungi ciri-ciri kecerdasan interpersonal dan intrapersonal yang dimiliki mereka.

2. Skor ujian pasca secara signifikan menunjukkan perbezaan dengan mencapai tahap cemerlang. Penemuan ini menggambarkan bahawa aktiviti yang dibina menepati kecerdasan interpersonal dan intrapersonal.
3. Menerusi aktiviti ini, anak-anak yatim diberi peluang untuk menggunakan kemahiran menyelesaikan masalah dan menyesuaikan diri dengan persekitarannya. Hal ini kerana kecerdasan interpersonal dan intrapersonal memerlukan anak-anak yatim menunjukkan kecekapan dalam menyusun maklumat, konsep atau idea secara teratur dan membuat kesimpulan atau keputusan yang tepat untuk tindakan yang terarah dan sewajarnya.

Selain itu, kepelbagaian aktiviti memberi peluang kepada anak-anak yatim untuk mengetahui kekuatan kecerdasan di samping memotivasikan mereka untuk menjalani kehidupan seharian. Respons positif daripada anak-anak yatim menunjukkan mereka gembira melaksanakan aktiviti yang melibatkan kecerdasan yang dimiliki. Malah ia memberi inspirasi kepada guru-guru dan pihak pentadbir pertubuhan kebajikan anak-anak yatim untuk memperibadikan aktiviti berdasarkan kecerdasan untuk meningkatkan perkembangan diri anak-anak tersebut.



## Rujukan

- Anderson. (1999). *Mengajar dengan cara kepelbagaian kecerdasan*. Jakarta: Indonesia.
- Aksullu, N., dan Dogan, S. (2004). Relationship of social support and depression in institutionalized and non-institutionalized elderly. *Anatolian journal of psychiatry*, 5, 76-84.
- Amirah Amaly Syafaat. (2009). *Murung akibat krisis ekonomi*. Utusan Malaysia; 29 Mac 2009.
- Armstrong, T. (1994). *Multiple intelligences in the classroom*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Armstrong, T. (2000). *Multiple intelligences in the classroom*. Virginia, USA: Association of Supervision and Curriculum Development.
- Azizi Yahaya dan Tan Soo Yin (2007). *Kesihatan Mental*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Baker, T. L. (1994). *Doing Social Research (2<sup>nd</sup> Edition)*. New York: McGraw-Hill Inc.
- Best, J. W. & Kahn, J. V. (1998). *Research in education (8<sup>th</sup> ed)*. Boston, Mass: Allyn and Bacon.
- Brewer, J. & Hunter, A. (1989). *Multimethod research: A synthesis of styles*. Newbury Park, California: SAGE Publications, Inc.
- Bruce, L. B. (2004). *Qualitative research methods for the social science (5<sup>th</sup> ed.)*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Campbell, L., Campbell, B., & Dickinson, D. (1999). *Teaching & learning through multiple intelligences*. United States of America: Allyn and Bacon
- Campbell, L., Campbell, B., & Dickinson, D. (2004). *Teaching & learning through multiple intelligences (3<sup>rd</sup> ed.)* United States of America: Allyn and Bacon
- Campbell, D. T., & Stanley, J. C. (1963). *Experimental and quasi-experimental design for research*. Boston: Houghton Mifflin company.
- Cates, W. M. (1985). *A practical guide to educational research*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall, Inc.

- Chan, W. D. (2005). *Perceived multiple intelligences and learning preferences among Chinese gifted students in Hong Kong*. *Journal for the Education of the Gifted*, 29, 187-212.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan*.
- Creswell, J.W. (2005). *Research designs: Qualitative, quantitative, and mixed method approaches (2nd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Denzin, N. K. (2001). *Handbook of qualitative research (2<sup>nd</sup> ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Ltd.
- Dunn, R. & Dunn, K. (1978). *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach*. Reston, Virginia: Reston Publishing.
- Field, A. (2009). *Discovering statistics using SPSS (3<sup>rd</sup> ed.)*. London. SAGE Publication Ltd.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N.E. (1996). *How to design and evaluate research in Education (3rd ed.)*. USA: McGraw-Hill, Inc.
- Frankfort-Nachmias, C., & Nachmias, D. (2000). *Research methods in the social sciences*. (6<sup>th</sup> ed). New York: Worth Publishers.
- Gardner, H. (1983). *Framed of mind: The theory of multiple intelligence*. New York. Basic Books.
- Gardner, H. (1996). Multiple intelligences. <http://w.w.edu/-tip/gardner.html>.
- Gardner, H.(1999). *Intelligences reframed: Multiple intelligences for the 21<sup>st</sup> century*. New York. Basic Books.
- Gardner, H.(1999). *Intelligences reframed: Multiple intelligences for the 21<sup>st</sup> century*. New York. Basic Books.
- Gardner, H. (2004). Audiences for the theory of multiple intelligences. *Teachers College Record*, 106(1), 212-220.
- Gorenstein, C. G., Andrade, L., Zanolo, E dan Artes, R. (2005). Expression Of Depressive Symptoms In A Nonclinical Brazilian Adolescent Sample. *The Canadian Journal On Adolescence*. 1. 63-91.
- Hatch, T. & Gardner, H. (1997). If Binet had looked beyond the classroom: the assessment of multiple intelligences. In B. Torff (Ed), *Multiple intelligences and assessment: A collection of articles (pp. 5-24)*. United states. IRI/SkyLight Training and Publishing, Inc.

Hilludin Johan Ariffin. (2003). *Kepintaran emosi dan kaitannya dengan pencapaian akademik pelajar: Satu kajian di Sekolah Menengah Dr. Burhanuddin, Taiping*. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan. Sintok: UUM.

Howell, D. C. (1999). *Fundamental statistics for the behavioral sciences* (4<sup>th</sup> ed). California: Brooks/ Cole Publishing Co.

Jamaludin Ramli, Azizi Yahaya, Noordin Yahaya dan Siti Zainab Bt Md. Lazin@ Md. Lazim. (2011). *Kemurungan Dalam Kalangan Penghuni Rumah Anak Yatim Di Daerah Kota Bharu, Kelantan*.

Johnson, m. (2007). An extended literature review: The effect of multiple intelligences on elementary student performance. Unpublished master dissertation. University of California.

Kagan, S. & Kagan, M. (1998). *Multiple intelligences: The complete MI book*. San Clemente, CA: Kagan Cooperative Learning.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Kementerian pendidikan Malaysia. (2001). *Pembangunan pendidikan 2001-2010: Perancangan bersepadu penjana kecemerlangan pendidikan*. Kuala Lumpur.

Kerlinger, F. N. (1986). *Foundation of behavioral research* (3<sup>rd</sup> ed.). New York: Winston Inc.

Kornhaber, M. L., Ferros, E., & Veenema, S. (2004). *Multiple intelligence: Best ideas from theory and practice*. Needham Heights, MA: Allyn & Bacon.

Mason, E.J. (1996). *Qualitative researching*. London: SAGE Publications.

Mayer, J. D., Salovey, P., & Caruso, D. R. (2000). Models of emotional intelligence. In R.J Sternbergh. (Ed). *Handbook of Intelligence* (pp.396-420). England: Cambridge Universiti Press.

Melissa, M. (2008). Applying what we know: *Journal of Women's Health*. Vol.17 Issue 9, p1463-1470.

Merriam, S.B. (2009). *Qualitative research:A guide to design and implementation*. San Francisco: Jossey-Bass Inc.

Mohd Najib Abdul Ghafar. (1996). *Asas penyelidikan sains sosial*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka bentuk tinjauan: Soal selidik pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

- Mok Soon Sang. (2000). *Ilmu pendidikan untuk KPLI*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mozaimi Ahmad. (2007). *Ukuran emosi dan kecerdasan emosi*. Capaian pada 4 November 2012, daripada <http://tapnm.melaka.gov.my>.
- Neuman, W. L. (2000). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Boston: allyn and bacon.
- Nik Azis Nik Pa. (1999). *Poetnsi intelek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Polit, D.F., Beck, C. T. & Hungler, B.P. (2001). *Essentials Of Nursing Research: Method, Appraisal and Utilization*. 5<sup>th</sup> ed. Philadelphia: Lippincoll Williams and Wlikins.
- Ramlah Jantan dan Mahani Razali. (2004). *Psikologi Pendidikan: Pendekatan Kontemporari*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ratcliff, D. (2005). *15 methods of data analysis in qualitative research*. Retrieved September 1, 2005, from <http://peopria.k12.il.us/msmith/isu%5Fcohort/eaf415/>
- Rohani Tarmizi. (2002). Learning and thinking styles, creative thinking and critical thinking abilities of Malaysian male and female students. *International Journal of Learning*, 9, 1354-1362.
- Santhi Suppiah. (2003). Satu Tinjauan Terhadap Perbandingan Strategi Belajar Bagi Pelajar-Pelajar Aliran Sains Tingkatan Empat Sekolah Menengah (P) Methodist Kuala Lumpur. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.
- Skeels, H. M. (1938). "A study of environmental stimulation: an orphanage preschool project," University of Iowa Studies in Child Welfare.
- Stellwagen, J. B. (2001). *A challenge to the learning styles advocates*. Clearing House, 74, 265-268.
- Sulaiman Ngah Razali. (2002). *Analisis data dalam penyelidikan pendidikan* (2<sup>nd</sup> ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sufian Omar Fauzi. (2004). *Psikologi Kejurulatihan Membantu Membina Ketahanan Mental Atlet*. Selangor: karisma publication.
- Wan Abdul Kader Wan Ahmad. (2000). *Kaunseling Kelompok Berstruktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wiersma, W. (1995). "Research Methods In Education: An Introduction." 7<sup>th</sup> ed. Boston: Allyn & Bacon.

Wicks-Nelson, R., dan Israel, A. C. (2003). *Behavior Disorders Of Childhood* (5<sup>th</sup> ed). Englewood cliffs, NJ: Prentice-hall.

Yee Mei Heong. (2002). *Pola Gaya Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik Di Daerah Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: laporan PSM. Tidak diterbitkan: Disertasi Projek Sarjana Muda.

You, K. S. dan Lee, H. (2006). The Physical, Mental And Emotional Health Of Older People Who Are Living Alone Or With Families. *Archives Of Psychiatric Nursing*, 20, 193-201.

Zimbardo. (2001). *Influencing attitudes and changing behavior* (4<sup>th</sup> ed.). reading, MA: Addison Wesley.